

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Al-Qur'ān merupakan kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dan ia ditulis di dalam mushaf serta diriwayatkan kepada kita dengan tartil. (Abd al-Karīm Zaidān, 1996: 152) Al-Qur'ān juga merupakan pedoman untuk manusia di muka bumi ini bagi membuktikan kewujudan pencipta dan kerasulan-Nya yang mana ia dimulai dengan surah al-Fātiḥat dan diakhiri dengan surah al-Nās dan membacanya merupakan ibadah.

Ayat-ayat yang diwahyukan Allah SWT mempunyai makna-makna tersendiri yang boleh difahami secara jelas, tanpa sebarang kesamaran atau difahami secara tersirat, yang memerlukan kepada penjelasan serta penerangan Nabi Muhammad SAW sendiri bagi menghuraikan ayat-ayat tersebut melalui hadith baginda SAW.

Al-Qur'ān merupakan mukjizat terbesar Nabi Muhammad SAW. Sesungguhnya kandungan di dalam ayat-ayatnya memberi sejuta makna kepada umat Islam terutamanya kepada mereka yang betul-betul serius memikirkan rahsia yang tersebunyi di dalamnya.

Al-Qur'ān adalah asas utama bagi pelbagai ilmu seperti *Tafsīr* (ilmu yang menjelaskan ayat al-Qur'ān serta maknanya), *Istinbāt Aḥkām al-Sharīyyat* (ilmu yang menentukan sesuatu hukum berpandukan al-Qur'ān), *al-Ishtiqāq* (ilmu mengkaji asal perkataan), *tarkīb jumal* (ilmu berkaitan susunan ayat al-Qur'ān), *al-Asālīb* (gaya bahasa)

sehingga sebaliknya perkara berkaitan tentang *al-Imlā'* (penulisan), *al-I'jaz* (rahsia-rahsia kejadian alam) dan lain-lain. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa al-Qur'an merupakan kitab yang dinukilkan sebagai panduan hidup manusia yang paling sempurna dan ia merupakan rujukan utama bagi setiap perkara.

Walaupun al-Qur'an telah diturunkan ribuan tahun lalu, tetapi ia tetap kekal sehingga ke hari ini kerana Allah SWT telah menjanjikan pemeliharaan al-Qur'an berdasarkan ayat:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ ﴿١﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami (Allah) yang menurunkan al-Qur'an dan Kami yang memelihara dan menjaganya”

(Surah al-Hijr, ayat: 9)

Allah SWT juga telah mengulangi dalam firman-Nya berkaitan pengumpulan dan bacaan al-Qur'an dalam ayat:

إِنَّ عَلَيْنَا جَمِيعُهُ وَقُرْءَانُهُ ﴿١٧﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Qur'an itu (dalam dadamu) dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu)”

(Surah al-Qiyāmat, ayat: 17)

Berdasarkan ayat tersebut, Allah SWT memberi jaminan bahawa al-Qur'an akan terpelihara sehingga selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW melalui huffaz al-Qur'an sampailah pada hari ditiupkan sangkakala, iaitu Qiamat. Allah SWT juga telah menentukan bacaan ayat dan kedudukan ayat-ayat al-Qur'an tersebut.

Dalam menyempurnakan kajian ini penulis mengharapkan perkongsian ilmu bagi memahami al-Qur'ān dengan tepat dan jelas berpandukan tanda-tanda waqf yang terdapat di dalam al-Qur'ān.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Sesungguhnya dalam memahami dan menghuraikan setiap ayat di dalam al-Qur'ān, maka hendaklah mengetahui selok-belok ilmu bahasa Arab kerana ia diturunkan dengan menggunakan bahasa tersebut. Namun begitu, seseorang itu sewajarnya perlu menguasai ilmu bahasa Arab secara terperinci melalui ilmu-ilmu yang mempunyai kaitan dengannya seperti *balāghat*, *nahu*, *ṣarf* dan lain-lain lagi kerana ia dapat memperjelaskan makna sebenar ayat al-Qur'ān dengan lebih terperinci dan mendalam. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang menjelaskan tentang memahami dan meneliti ayat-ayat yang terkandung di dalam al-Qur'ān:

كَتَبْ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَرَّكٌ لِّيَدْبُرُواْءَ اِيَّتِهِ

Maksudnya: “(*Al-Qur'ān ini*) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya”

(Surah Ṣād, ayat: 29)

Firman Allah SWT lagi mengenai pemahaman isi kandungan ayat-ayat al-Qur'ān di dalam ayat:

﴿أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْءَانَ﴾ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا

Maksudnya: “(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-

Qur'ān ataukah telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Qur'ān?)”

(Surah Muhammad, ayat: 24)

Sesungguhnya dalam membaca al-Qur'ān, seseorang itu perlulah mengetahui ilmu yang berkaitan tentang al-Qur'ān seperti ilmu bahasa Arab, tajwid dan qirā'at. Ilmu-ilmu yang dinyatakan tadi mempunyai kaitan yang boleh menyempurnakan bacaan ketika membaca al-Qur'ān. Namun begitu ilmu seperti ulūm al-Qur'ān, tafsīr tidak boleh diabaikan kerana ilmu tersebut mempunyai peranannya di dalam bacaan.

Sesuatu yang tidak dapat dinafikan bahawa ayat-ayat al-Qur'ān mempunyai kaitan antara satu sama lain. Ia ibarat menerangkan sesebuah epilog cerita. Maka pemahaman waqf dan ibtidā' dalam bacaan al-Qur'ān amatlah penting dan wajar. Contohnya:

لَقَدْ كَفَرَ الظَّالِمُونَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ

Maksudnya: “Demi sesungguhnya kafirlah orang-orang yang berkata: Sesungguhnya Allah SWT ialah al-Masīh ibn Maryam”

(Surah al-Mā'idah, ayat: 17)

Contoh ayat dalam surah al-Mā'idah di atas ini menunjukkan jika seseorang itu menghentikan ayat pada perkataan (قالُوا) tanpa mengulang balik ayat penyataan sebelumnya, ia akan menyebabkan salah tafsīr kerana ayat selepasnya dibaca dengan menceritakan sesungguhnya Allah SWT ialah al-Masīh. Ayat di atas menceritakan siapa yang mengatakan Allah SWT itu adalah al-Masih, sesungguhnya mereka telah kafir. Ayat selepas ini pula menjelaskan Nabi Muhammad SAW jika ditanya mengenai adakah Allah itu adalah al-Masīh, maka katakanlah ia tidak benar, kerana siapakah yang mampu menahan Allah SWT, kalau ia mahu membinasakan al-Masīh beserta ibunya dan orang-orang yang ada di muka bumi semuanya.

Sesungguhnya ulama fiqh terdahulu merupakan golongan ahli tafsir dan juga ahli bahasa dan linguistik Arab seperti Imām Shāfi‘e dan Imām Mālik kerana di dalam menentukan sesuatu hukum, ilmu tafsīr dan ilmu bahasa memainkan peranan yang teramat penting.

Berdasarkan kepada contoh ayat yang telah dikemukakan, penulis cuba untuk menyelami kajian terhadap waqf bacaan di dalam al-Qur’ān secara terperinci, jika dilihat dari sudut pembacaan al-Qur’ān ia amat penting kerana jika tersalah memberhentikan ayat pada tempat yang tidak dikehendaki, ia boleh menyebabkan seseorang itu tersasar dalam menetapkan sesuatu hukum.

Di sini, penulis melihat kajian waqf bacaan di dalam al-Qur’ān amatlah penting. Penulis merasakan sebahagian besar masyarakat yang ada di Malaysia tidak dapat menguasai waqf dan ibtidā’ bacaan al-Qur’ān dengan sempurna. Kadang-kala ada yang membaca atau menghafaz al-Qur’ān tanpa mengetahui tempat berhenti dan mula ayat dengan betul, iaitu tempat yang dibenarkan berhenti dan tempat yang dilarang.

Ini juga berdasarkan kepada pengalaman penulis ketika mendengar bacaan al-Qur’ān di kalangan masyarakat setempat, penulis melihat terdapat beberapa perkara yang perlu diperbetulkan terhadap pembacaan mereka kerana setiap ayat yang diungkapkan tersebut merupakan wahyu Allah SWT dan jika silap membacanya akan menyebabkan makna yang dikehendaki tidak dapat difahami dengan sempurna atau kemungkinan salah pemahaman.

Oleh yang demikian, amat wajar kajian ini dilakukan agar perkara yang boleh menyebabkan kerosakan dalam memahami dan mentafsir dapat dielakkan.

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai ciri yang tersendiri sepetimana yang telah diterangkan dalam permasalahan kajian sebelum ini. Justeru, penulis berpendapat kajian ini teramat penting bagi menjelaskan serta memahamkan masyarakat berkaitan waqf secara khusus dan ibtidā' secara ringkas bacaan al-Qur'ān yang tepat dan betul.

Telah banyak kajian berdasarkan ilmu bahasa Arab dan al-Qur'ān dilakukan seperti al-Suyūtī, Ibn Jinnī dan lan-lain. Namun kajian yang dilakukan hanyalah melibatkan kaedah tatabahasa Arab serta tafsir yang mana iamelibatkan al-Qur'ān.

Oleh yang demikian, penulis merasakan perkara mustahak yang perlu dilihat ialah berkaitan tentang sejarah penulisan serta pembukuan al-Qur'ān kerana di situ kita akan dapat melihat bagaimana kaedah yang diguna pakai ketika penulisan al-Qur'ān.

Di samping itu, kajian ini juga merupakan kesinambungan masyarakat Islam serta ulamā' terdahulu dalam menyemai bakti dan memperluaskan Islam di bumi ini serta menambahkan pemahaman masyarakat berkaitan al-Qur'ān khususnya.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan permasalahan kajian tadi, penulis telah menetapkan beberapa objektif yang ingin dicapai, iaitu:

- a) Mengkaji sejarah kaedah penulisan al-Qur'ān dan tokoh yang terlibat dalam merealisasikan pembukuan al-Qur'ān rasm 'uthmānī serta tujuannya.
- b) Mengkaji waqf dan tandanya di dalam al-Qur'ān dan pembahagiannya secara lebih terperinci menurut pandangan ahli bahasa dan linguistik Arab serta tokoh-tokoh ilmuan Islam mengenai waqf bacaan al-Qur'ān.
- c) Menganalisis penggunaan waqf dan tandanya di dalam surah al-Kahfi.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada latarbelakang kajian, kepentingan kajian dan objektif kajian, maka penulis merasakan kajian ini perlu menjawab persoalan-persoalan seperti berikut:

- a) Bagaimakah sejarah kaedah penulisan dan siapakah tokoh yang terlibat dalam merealisasikan pembukuan al-Qur'ān rasm uthmānī?
- b) Apakah jenis waqf dan tanda-tandanya yang terdapat di dalam al-Qur'ān dan apakah pandangan ahli bahasa dan linguistik Arab serta tokoh-tokoh ilmuan Islam mengenai waqf bacaan al-Qur'ān?
- c) Apakah tanda waqf yang ada dalam surah al-Kahfi dan berapakah kekerapan penggunaannya?

1.6 METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, penulis memerlukan kepada sumber bacaan tokoh-tokoh bahasa Arab, golongan pentafsir, para ulama dan pemerhatian serta pandangan mereka. Ini kerana mereka telah mengkaji serta menganalisis makna ayat-ayat yang terkandung di dalam al-Qur'ān. Oleh yang demikian, penulis mengutamakan kaedah kajian perpustakaan. Secara umumnya, metod kajian yang dilakukan dibahagikan kepada tiga, iaitu pengumpulan data, temubual dan juga analisis data.

1.6.1 Metod Pengumpulan Data

Untuk mendapatkan data berkaitan kajian, penulis mengumpulkan segala maklumat berdasarkan kepada bahan rujukan. Penulis melihat kepada rujukan lama dan rujukan baru sebagai perbandingan terhadap kajian. Kebanyakan rujukan yang diperolehi dalam bahasa Arab dan juga bahasa Melayu. Penulis juga, akan mengumpulkan segala data berkaitan dengan tajuk yang dikaji melalui kitab-kitab, kertas kerja seminar, tesis-tesis penyelidikan yang mempunyai kaitan secara langsung berkaitan tajuk ataupun tidak dan juga bahan-bahan bercetak seperti ensiklopedia, majalah dan surat khabar.

Selain menggunakan koleksi buku yang berada di dalam simpanan, penulis juga telah menggunakan beberapa buah buku dalam penyediaan bahan rujukan dan maklumat berkaitan kajian di beberapa buah perpustakaan, antaranya ialah:

- a) Perpustakaan Utama (UM),
- b) Perpustakaan Kolej Islam Darul Ridzuan (KISDAR),
- c) Perpustakaan Fakulti Bahasa & Linguistik, UM,
- d) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, UM,

- e) Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dan
- f) Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran, KDN, Ipoh Perak.

Di samping itu penulis menggunakan kemudahan rujukan internet yang dipercayai bagi mendapatkan beberapa maklumat dan data.

Selain merujuk kepada buku-buku yang memfokuskan kepada bahasa Arab, penulis juga menggunakan beberapa buah buku selain bidang bahasa Arab yang mempunyai kaitan dengan kajian seperti *Ulūm al-Qur'ān*, ilmu Tajwid, ilmu Qirā'at, ilmu Tafsīr dan lain-lain.

Setelah itu, kaedah temubual akan digunakan bagi mengukuhkan maklumat serta fakta di dalam kajian ini dengan pakar di dalam bidang al-Qur'ān. Seterusnya, apabila maklumat dan data-data berkaitan kajian diperolehi, maka penulis akan meneruskan kepada fasa yang seterusnya iaitu menganalisis maklumat dan data-data yang telah diperolehi.

1.6.2 Metod Analisis Data

Melalui maklumat dan data-data diperolehi, penulis akan mengeluarkan ayat-ayat berkaitan kajian. Penulis akan mengeluarkan makna terjemahan ayat-ayat tersebut menggunakan kitab terjemahan al-Qur'ān. Setelah itu, penulis akan melakukan analisis terhadap data-data berkaitan teori berkaitan tentang penggunaan waqf dan tandanya di dalam al-Qur'ān. Penulis akan membuat perbandingan antara pendapat-pendapat tersebut bagi melihat pandangan yang paling tepat atau hampir tepat.

Selesai melakukan perbandingan antara kesemua teori dan pandangan tokoh-tokoh berkaitan, penulis seterusnya akan menganalisis semua ayat yang mempunyai kaitan dengan penggunaan waqf dan tandanya di dalam al-Qur'ān dengan menggunakan surah tertentu.

Di samping itu, penulis akan bertemu dengan seorang pakar dalam bidang al-Qur'ān untuk mendapatkan pengesahan analisis (Analysis Validation) terhadap kajian ini. Ia diperlukan bagi memastikan bahawa analisis waqf bacaan al-Qur'ān ini memberi makna yang tepat berpandukan kepada tafsiran yang sebenar dan seterusnya penulis akan membuat sedikit kesimpulan terhadap analisis kajian.

1.7 BATASAN KAJIAN

Kajian penyelidikan yang dilakukan ini membincangkan permasalahan waqf dan tandanya di dalam al-Qur'ān. Ia membataskan di dalam surah al-Kahfi sahaja. Penulis hanya mengkaji mengenai waqf dan tandanya di dalam al-Qur'ān dan peranannya serta menganalisisnya berdasarkan kepada semantik bahasa Arab dalam surah al-Kahfi dan ia hanya tertumpu kepada al-Qur'ān rasm 'uthmānī sahaja.

Pemilihan surah al-Kahfi ini dibuat kerana terdapat 4 jenis tanda waqf di dalam surah ini berbanding surah-surah yang lain. Ini memudahkan penulis mengkaji dan menganalisisnya berbanding surah-surah yang lain walaupun surah ini hanya mempunyai 110 ayat sahaja.

1.8 KAJIAN TERDAHULU

Kajian waqf bacaan al-Qur'ān berkait rapat dengan semantik bahasa Arab. Kajian ini bukanlah kajian baru walaupun ramai pengkaji bahasa Arab dan linguistik yang telah melakukan kajian berkaitan tajuk ini seperti Ibn al-Jawzī, Ibn al-Jazarī, al-Suyūṭī dan lain-lain lagi. Kajian yang dilakukan oleh mereka merangkumi semua bidang khususnya qirā'at dan bahasa Arab. Kajian yang telah dilakukan itu amatlah berguna bagi mendalami serta mengembangkan ilmu bahasa Arab berkaitan waqf bacaan al-Qur'ān. Penulis telah membuat kajian awal dan mendapati kajian untuk melihat pemahaman ayat-ayat al-Qur'ān melalui waqf bacaan al-Qur'ān masih belum dilakukan di Malaysia.

Namun begitu, penulis telah menemui beberapa kajian yang membincangkan serta membicarakan mengenai waqf dan tandanya di dalam al-Qur'ān antaranya ialah melihat kepada kajian Shaharuddin Pangilun (2006) dalam disertasi sarjananya di Universiti Malaya yang bertajuk "Kemahiran Waqf dan Ibtida'", Kajian Terhadap Guru-Guru al-Quran Di Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan". Dapatkan kajian menunjukkan pemahaman guru-guru berkaitan waqf dan ibtidā' masih lemah dan perlu diperbaiki.

Terdapat juga sebuah kertas kerja yang bertajuk "Tanda-Tanda Bacaan al-Quran Rasm Uthmani: Teori Dan Aplikasi" yang ditulis oleh Abdul Rauf Hassan Azhari. Beliau telah membentangkan kertas kerja ini pada seminar warisan al-Qur'ān peringkat kebangsaan (24-25 Oktober 2001) di Pulau Pinang. Dalam kertas kerja tersebut, beliau telah mengemukakan langkah membaca al-Qur'ān dengan sempurna berdasarkan tanda waqf dan ibtidā' di dalam al-Qur'ān serta menerangkan tanda-tanda waqf dan ibtidā' untuk dipraktikkan dalam pembacaan.

Walaupun penulis menemui kajian-kajian tersebut, ia tidak mempunyai kaitan dengan kajian yang akan dilakukan oleh penulis. Kajian ini menganalisis tanda-tanda waqf bacaan al-Qur'an rasm 'uthmānī yang telah lama digunakan. Kajian ini dilihat mampu memberi sumbangan kepada perkembangan berkaitan bahasa Arab dan al-Qur'an. Ia boleh dikembangkan bukan sahaja di sekitar Tanah Melayu ini, bahkan ke seluruh dunia.

1.9 RANGKA KAJIAN

Kajian penyelidikan ini bertajuk waqf dan tandanya, analisis surah al-Kahfi berdasarkan rasm uthmānī. Kajian ini mengandungi lima bab utama seperti berikut:

1.9.1 Bab Pertama

Bab ini merupakan pengenalan kajian ini. Ia merangkumi pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, batasan kajian dan rangka kajian serta kesimpulan.

1.9.2 Bab Kedua

Dalam bab ini penulis menerangkan berkaitan kajian tinjauan sejarah perkembangan penulisan dan pembukuan al-Qur'an sehingga kini serta proses pemurnian al-Qur'an rasm 'uthmānī. Penulis juga memasukkan sedikit perbezaan antara al-Qur'an rasm 'uthmānī dan al-Qur'an rasm imlā'i.

1.9.3 Bab Ketiga

Dalam bab ini penulis akan membincangkan serta menghuraikan mengenai kajian berkaitan waqf al-Qur'an secara terperinci, jenis-jenis tanda waqf di dalam al-Qur'an

dan maklumat yang mempunyai kaitan dengannya serta sedikit maklumat ringkas berkaitan ibtidā'.

1.9.4 Bab Keempat

Dalam bab ini penulis akan mengkhususkan kajian terhadap surah al-Kahfi, analisis waqf dan tandanya dalam surah al-Kahfi. Penulis juga akan menganalisis serta mengkaji satu persatu ayat di dalam surah al-Kahfi yang mempunyai tanda waqf al-Qur'ān.

1.9.5 Bab Kelima

Dalam bab ini penulis akan memberikan hasil kajian yang telah diperolehi dan memberi cadangan kepada penulis lain untuk membuat kesinambungan berkaitan waqf dan tandanya terutamanya melalui ilmu bahasa Arab dan memberi kaedah dalam memahami ayat al-Qur'ān serta segala kebaikan dalam memahami al-Qur'ān dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian kita di dunia ini.

1.10 KESIMPULAN

Kajian berkaitan waqf dan tandanya, analisis surah al-Kahfi berdasarkan rasm 'uthmānī sangat menarik minat penulis, apatah lagi kajian yang dilakukan ini berkaitan dengan al-Qur'ān. Kajian seperti ini digunakan bagi memahami (semantik) erti dan makna dalam sesuatu ayat al-Qur'ān khususnya dan lain-lain amnya. Penulis berharap semoga kajian akan mencapai objektif yang telah digariskan.

BAB DUA

SEJARAH PENULISAN DAN PEMBUKUAN AL-QUR'ĀN

2.1 PENGENALAN

Dalam bab ini penulis akan membincangkan kepentingan memahami sejarah perkembangan penulisan al-Qur'ān rasm 'uthmānī dengan melihat kepada perkara berkaitan penurunan al-Qur'ān yang merupakan permulaan bagi perkembangan tamadun masyarakat Arab jāhilīyah dan manusia keseluruhannya sehingga ke hari ini. Tidak dapat dinafikan berkembangnya bahasa Arab adalah berpunca daripada al-Qur'ān kerana sebelum Islam mula bertapak di Tanah Arab, masyarakat Arab hidup dalam suasana jahiliyyah.

Sesungguhnya istilah jahiliyyah yang diberikan kepada masyarakat Arab membawa maksud kekufuran, keangkuhan, kebodohan dalam ilmu pengetahuan. Masyarakat Arab waktu itu digelar dengan masyarakat Arab Jahiliyyah kerana mereka tidak mahu menerima kebenaran dan mereka tidak mengikut ajaran Nabi dan kitab sebelumnya yang boleh dijadikan petunjuk dan panduan. (P.K. Hitti, 1964: 67).

Walaupun masyarakat Arab hidup dalam suasana jāhilīyah tetapi penulisan Arab telah pun wujud ketika itu. Penulisan ketika itu dikenali melalui puisi-puisi Mu'allaqāt yang telah dikumpulkan oleh Ḥamad al-Rawīyat. Puisi-puisi Mu'allaqāt dikenali kerana puisi-puisi tersebut telah digantung di Ka'bah sebagai memuliakannya serta memperlihatkan kelebihan yang ada pada bahasa Arab. Ini menggambarkan pada zaman tersebut, penulisan Arab telah ada walaupun kebanyakan masyarakat Arab ketika itu buta huruf. (Osman Haji Khalid, 1999: 66)

Namun begitu, bahasa Arab mulai menonjol dari sudut penulisan apabila al-Qur'ān diwahyukan. Tidak dapat dinafikan lagi tujuan utama al-Qur'ān diturunkan adalah untuk memimpin manusia kepada perkara-perkara yang mendatangkan faedah serta mendidik mereka tentang hakikat kejadian di muka bumi Allah SWT ini dengan rahmat dan kasih sayang yang telah dikurniakan serta mengeluarkan dari kejahilan.

Ramai di kalangan para sahabat yang dilantik menjadi pencatat wahyu sehingga lah terbentuknya al-Qur'ān dalam sebuah kitab. Penurunan al-Qur'ān merupakan langkah awal dalam pemprosesan pengumpulan dan penulisannya. Sesungguhnya al-Qur'ān yang digunakan pada hari ini telah melalui beberapa proses penambahan dan pemurnian dari satu peringkat ke satu peringkat.

Oleh yang demikian, di dalam bab ini penulis akan memberi fokus kepada asal-usul pengumpulan dan penulisan serta perkembangan al-Qur'ān rasm 'uthmānī yang ada pada hari ini mengikut beberapa pandangan-pandangan ahli sejarah, ahli bahasa dan linguistik Arab serta tokoh-tokoh ilmuan Islam sebelum mengkaji lebih lanjut perkara berhubung waqf dan tandanya pada bab yang seterusnya.

2.2 SEJARAH PENURUNAN AL-QUR'ĀN

Sesungguhnya al-Qur'ān mempunyai perkaitan yang rapat dengan sejarah penurunannya walaupun al-Qur'ān bukan buku sejarah. Namun begitu terdapat beberapa sejarah dan peristiwa yang terkandung di dalamnya. Penurunan setiap ayat al-Qur'ān mempunyai sebab-sebab tertentu dan beberapa perkara yang dibincangkan antaranya ialah perkara-perkara kerohanian, duniawi, pelaksanaan hukum Allah SWT dan lain-lain lagi.

Dari sudut sejarah al-Qur'ān, penurunan ayat pertama bermula ketika Nabi Muhammad SAW bersendirian di Gua Hirā, Mekah. Baginda sering berfikir tentang keadaan masyarakat ketika itu yang jahil bagi menentukan antara perkara yang baik dan buruk mengenai sesuatu perkara. (Al-Būṭī, 2003: 60).

Al-Qur'ān diturunkan adalah untuk menjelaskan perkara benar dan salah (sesat) berdasarkan ayat:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ

Maksudnya: “*Bulan Ramadhan yang padanya diturunkan al-Qur'ān, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah*”

(Surah al-Baqara, ayat: 185)

Al-Qur'ān diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui beberapa peringkat, iaitu:

- a) Al-Qur'ān diturunkan ke Lūh al-Mahfūz berdasarkan firman-Nya:

بَلْ هُوَ قُرْءَانٌ مَجِيدٌ فِي لَوْحٍ مَحْفُوظٍ

Maksudnya: “(*Sebenarnya apa yang engkau sampaikan kepada mereka bukanlah syair atau perkara sihir), bahkan ialah al-Qur'ān yang tertinggi kemuliaannya, (lagi yang terpelihara dengan sebaik-baiknya) pada Luh al-Mahfūz*”

(Surah al-Burūj, ayat: 21-22)

- b) Al-Qur'ān diturunkan ke Bait al-'Izzat pada Lail al-Qadr dengan sekaligus.

Al-Mubārakfūrī (2002: 60) telah menyatakan bahawa al-Qur'ān diturunkan pada malam al-Qadr. Menurut Tafsir Pimpinan al-Rahman (2010), malam al-Qadr bererti malam kemuliaan dan kebesaran berdasarkan firmanNya:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Qur'ān pada malam al-Qadr”

(Surah al-Qadr, ayat: 1)

- c) Al-Qur'ān diturunkan secara beransur-ansur kepada Nabi Muhammad SAW dengan perantaraan Jibrīl.

Kebanyakan ulamā' tafsīr bersetuju bahawa ayat yang pertama diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW ialah:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَنَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ أَقْرَأْ وَرَبِّكَ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَنْ
 عَلِمَ الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٤﴾

Maksudnya: “Bacalah! (wahai Muhammad SAW) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku, bacalah! dan Tuhanmu yang amat pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya”

(Surah al-Alaq, ayat: 1–5)

Al-Baihaqī dalam al-Dalā'il, al-Hakīm dalam al-Mustadrak, al-Ṭabrānī dalam al-Kabā'ir yang menyatakan bahawa ayat tersebut adalah merupakan ayat pertama yang telah diwahyukan. Pendapat yang paling tepat mengenai ayat terawal diwahyukan

berdasarkan hadith riwayat Aishah RA yang menceritakan kisah wahyu pertama yang diturunkan di Gua Hirā'. (Al-Suyūtī, 2005: 74)

Pandangan di atas disokong oleh Mahayudin Yahaya yang menyatakan bahawa wahyu pertama diturunkan pada hari Isnin 17 Ramadhan bersamaan 6 Ogos 610 Masihi ketika baginda sedang mengasingkan diri dari masyarakat Arab di Gua Hirā'. (Mahayudin Yahaya, 1993: 46)

Al-Qur'ān diturunkan secara beransur-ansur dari Bait al-'Izzat kepada Nabi Muhammad SAW dalam tempoh 23 tahun. Allah SWT berfirman:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْءَانُ جُمِلَةً وَاحِدَةً كَذَلِكَ لِتُنَثِّيَ بِهِ فُؤَادَكُ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا

Maksudnya: “*Dan orang-orang yang kafir berkata, mengapa tidak diturunkan al-Qur’ān itu kepada Muhammad semuanya sekali (dengan sekaligus)? Diturunkan al-Qur’ān dengan cara yang demikian kerana hendak menetapkankan hatimu (wahai Muhammad) dengannya dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur (tersusun)*”

(Surah al-Furqān, ayat: 32)

Dalam ayat ini jelas menunjukkan al-Qur’ān diturunkan secara beransur-ansur supaya mudah dihafaz dan difahami oleh Nabi Muhammad SAW kerana baginda tidak tahu membaca dan menulis, kerana itulah ditetapkan hati baginda supaya dapat menyampaikan al-Qur’ān dan isi-isi yang ada di dalamnya sebaik-baiknya.

2.3 SEJARAH PENGUMPULAN AL-QUR'ĀN DAN PEMBUKUANNYA

Pengumpulan al-Qur'ān bermaksud penyimpanan dan penulisan al-Qur'ān secara keseluruhan. (Ensiklopedia Dunia, 2000)

Merujuk beberapa buku sejarah berkaitan penulisan al-Qur'ān, penulis telah membahagikan kronologi pengumpulan kepada beberapa peringkat bermula sejak al-Qur'ān diwahyukan sehingga dibukukan, iaitu:

- a) zaman Nabi Muhammad SAW,
- b) zaman Abu Bakr al-Siddiq dan Umar al-Khattab,
- c) zaman Uthman al-Affan,
- d) selepas zaman Uthman al-Affan

2.3.1 ZAMAN NABI MUHAMMAD SAW

Nabi Muhammad SAW diutuskan kepada masyarakat Arab jāhilīyyah. Perkataan jāhilīyyah bererti jahil, tidak mengetahui atau tidak mempunyai ilmu. Masyarakat Arab ketika itu digelar masyarakat Arab jāhilīyyah kerana mereka tidak mahu menerima kebenaran dan mereka tidak mengikut ajaran Nabi dan Kitab sebelumnya yang boleh dijadikan petunjuk dan panduan.

Al-Qur'ān mula diturunkan 13 tahun sebelum Hijrah bersamaan 610 Masihi ketika Nabi Muhammad SAW bersendirian di Gua Ḥirā' adalah untuk mencari ketenangan sambil mencari petunjuk dan kebenaran serta memikirkan masalah sosial yang berlaku di kalangan masyarakatnya.

Penurunan al-Qur'an berlaku selama 23 tahun bermula ketika Nabi Muhammad SAW menerima wahyu pertama sehingga baginda wafat menemui Ilahi. Dalam bidang ulum al-Qur'an, terdapat dua peringkat. Peringkat penurunan wahyu tersebut dikenali sebagai al-Makkī dan Madanī. Makkī ialah ayat-ayat yang diturunkan di Mekah selama 13 tahun dan Madanī ialah ayat-ayat yang diturukan di Madinah selama 10 tahun. Sesungguhnya dalam tempoh 23 tahun tersebut al-Qur'an telah sempurna diturunkan.

Pada tanggal 12 Rabī' al-Awwal, 10 Hijrah bersamaan 18 Jun 631 Masihi telah berlaku peristiwa dimana wafatnya Baginda SAW. Apabila wafatnya Baginda, maka terputuslah wahyu kepada umat manusia. Walaupun Baginda telah wafat, al-Qur'an yang diwahyukan kepadanya telah sempurna diturunkan berdasarkan firman Allah SWT:

أَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya: "Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu"

(Surah al-Mā'idah, ayat: 3)

Kepentingan orang yang tahu membaca ialah seseorang itu akan mengetahui perkara yang tidak diketahui. Sebelum seseorang itu tahu membaca, dia mestilah menggunakan buku dan kitab untuk membaca. Bagi menghasilkan sesbuah buku atau kitab, seseorang itu perlu mempunyai pen yang merupakan perantaraan dalam penulisan. Maka di sini dapatlah dilihat bahawa penulisan amat penting di dalam Islam.

Masyarakat Islam mula mempelajari serta mendalami pelbagai ilmu dengan membaca berdasarkan ayat ke-4 di atas yang bermaksud mengajar manusia melalui pen adalah bertepatan dengan penulisan al-Qur'an.

Contohnya berkaitan penulisan ialah pada 17 Ramaḍān tahun 2 Hijrah telah berlaku perperangan Badar. Perperangan ini merupakan pertempuran terpenting dan terawal dalam Islam. Perperangan ini berlaku kerana Nabi Muhammad SAW mengarahkan para sahabatnya menyekat hasil perdagangan kafilah Mushrikīn Quraisy yang dirampas dari penduduk Islam di Mekah.

Hasil dari perperangan tersebut, umat Islam telah mencapai kejayaan yang besar. Hampir 70 orang musyrikin telah terbunuh, sementara 70 orang musyrikin yang lain telah dijadikan tawanan. Sementara itu, tawanan musyrikin yang telah ditawan diberikan layanan yang baik. Tawanan yang mempunyai kebolehan dalam ilmu penulisan, disyaratkan mengajar kanak-kanak Islam membaca akan dibebaskan setelah melalui tempoh masa tertentu. (Al-‘Umarī, 1998: 2/368)

Melalui usaha seperti ini, pertambahan golongan ilmuan dan penulis masyarakat Islam semakin ramai. Akhirnya umat Islam Madinah menjadi bangsa yang disegani dan dihormati kerana mempunyai ilmu dan mampu membaca serta menulis al-Qur’ān.

Nabi Muhammad SAW menggalakkan masyarakat Islam merebut peluang mencari dan mendalami sesuatu ilmu. Terdapat sebilangan di kalangan sahabat mempelajari pelbagai ilmu termasuk juga ilmu penulisan. Ini kerana setiap kali menerima wahyu, baginda akan memerintahkan sahabat-sahabat tertentu untuk menulisnya di samping menghafal. Mereka menghafal al-Qur’ān secara shafāwī.

Bangsa Arab pada masa wahyu diturunkan berada dalam budaya berbahasa yang begitu hebat dan tinggi, ingatan mereka sangat kuat dan hafalan mereka cepat. Wahyu datang kepada mereka dengan struktur bahasa yang indah dan luhur serta mengandungi petunjuk yang suci, lalu mereka kagum dengannya dan mencurahkan kekuatan untuk

menghafal ayat-ayat al-Qur'ān. Pada waktu itu hanya al-Qur'ān sahaja yang dibenarkan untuk ditulis, sabda-sabda Nabi SAW dilarang dari ditulis kerana takut bercampurnya dengan tulisan al-Qur'ān.

Nabi Muhammad SAW telah memerintahkan para pencatat wahyu di kalangan para sahabat mencatatkan ayat-ayat al-Qur'ān yang telah diwahyukan kepadanya. Terdapat di kalangan para sahabat yang telah diamanahkan sebagai pencatat al-Qur'ān antaranya ialah Ali bin Abi Talib, Ubay bin Ka'ab, Zayd bin Thabit, Zubair bin al-Awwam, Mu'awiyah bin Abi Sufyan dan lain-lain. ('Umar Riḍā Kahhalat, 1974: 33) Baginda lalu memerintahkan mereka menulis dan menetapkan susunan ayat-ayat al-Qur'ān berdasarkan panduan malaikat Jibril AS sehingga penulisan al-Qur'ān menjadi lembaran menjadi realiti dan membantu memudahkan seseorang penghafal mengingati al-Qur'ān dengan baik. (Abū Shuhbat, 1992: 241)

Penyusunan al-Qur'ān adalah mengikut kaedah yang telah tertulis di Luh Mahfūz dan bukannya mengikut susunan ayat-ayat yang turun. Ia ditulis di pelepah-pelepah kurma, batu-batu nipis, pangkal pokok kurma, daun, kulit-kulit, tulang-belulang binatang dan lain-lain. (Al-Suyūtī, 2005: 157)

Namun setelah wafatnya Nabi Muhammad SAW, terputuslah hubungan kemanusiaan dengannya. Walaupun begitu, Baginda tidak melupakan umatnya dengan dipusakakan al-Qur'ān dan sunnah sebagai panduan dan rujukan manusia. Jika dilihat penulisan al-Qur'ān mempunyai kaitan dengan wahyu pertama diturunkan iaitu:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَنَ مِنْ عَلَىٰ ۝ أَقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝ الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَنْدِ

عَلِمَ الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

Maksudnya: “*Bacalah! (Wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan. Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah! dan Tuhanmu yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya”*

(Surah al-Alaq, ayat: 1-5)

2.3.2 ZAMAN ABU BAKR AL-SIDDIQ DAN UMAR AL-KHATTAB

Sesungguhnya pada zaman ini, telah berlakunya proses pengumpulan dan pembukuan al-Qur’ān. Ia telah terkumpul di dada-dada para sahabat ketika Nabi Muhammad SAW wafat dan al-Qur’ān sendiri telah ditulis seperti yang dinyatakan oleh al-Suyūṭī sebelum ini. Al-Qur’ān ketika itu tidak wujud dalam bentuk naskhah yang dipanggil mushaf seperti yang ada pada masa kini. (Mohd Yusof, 2000: 46)

Di awal pemerintahan Abu Bakr al-Siddiq iaitu selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW terdapat banyak masalah yang dihadapi. Antara masalah yang dihadapi oleh beliau ialah ramai di kalangan orang Islam yang murtad dan juga terdapat golongan yang enggan mengeluarkan zakat dan mempermainingkan ayat-ayat al-Qur’ān. Disebabkan perkara tersebut, Abu Bakr al-Siddiq bertindak tegas memerangi golongan tersebut.

Peperangan menghadapi golongan murtad terlalu banyak, di antaranya ialah peperangan al-Yamamah. Peperangan yang berlaku pada 12 Hijrah bersamaan disember 632 Masihi ini meletus akibat penentangan yang dilancarkan oleh Musailamah al-Kazzab yang berpusat di Yamamah terhadap kerajaan Abu Bakr al-Siddiq. Musailamah telah mengaku menjadi nabi dan beliau membuat beberapa perubahan syariat bagi membezakan agamanya dengan Islam yang dibawa oleh Nabi SAW antaranya seperti mengurangkan solat lima waktu kepada tiga waktu.

Dalam pertempuran tersebut, walaupun umat Islam memperolehi kemenangan, ramai para sahabat yang terkorban syahid. Di kalangan sahabat tersebut seramai 70 orang daripadanya adalah merupakan golongan Huffaz al-Qur'ān.

Terdapat juga peristiwa di mana seorang sahabat telah membaca al-Qur'ān di hadapan Umar al-Khattab dengan bacaan yang salah, iaitu salah baris dan ia boleh menyebabkan tersalah maksud yang asal dengan membaca (Al-Qurṭubī, 1996: 1/24)

[أَنَّ اللَّهَ بَرِيءٌ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُ]

Maksudnya: “*Bahawa sesungguhnya Allah berlepas diri daripada orang-orang musyrikin dan Rasul-Nya*”

Ayat al-Qur'ān yang asal ialah:

أَنَّ اللَّهَ بَرِيءٌ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُ

Maksudnya: “*Bahawa sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya berlepas diri daripada orang-orang musyrikin*”

(Surah al-Tawbat, ayat: 3)

Disebabkan perkara-perkara tersebut, Umar al-Khattab mencadangkan kepada Khalifah Abū Bakr agar al-Qur'ān dikumpulkan dan ditulis. Pada awalnya beliau menolak cadangan tersebut kerana tiada panduan dari Nabi SAW, tetapi akhirnya beliau menerima pandangan Umar al-Khattab tersebut memandangkan kepentingan terhadap pemeliharaan al-Qur'ān. (Al-Šālih, Subhī, 1988: 74)

Abu Bakr al-Siddiq memanggil Zayd bin Thabit dan kemudian memberikan tugas kepadanya agar mengumpul serta menulis ayat-ayat al-Qur'ān. Walaupun Zayd bin Thabit merupakan pencatat wahyu yang terkenal, beliau tetap merasakan tugas yang

diamanahkan kepadanya suatu bebanan yang sangat berat untuk dipikul. (Ibn al-Nadīm, 2010: 42) Zayd bin Thabit mengumpulkan tulisan ayat-ayat al-Qur'ān pada pelelah-pelelah tamar, kepingan batu, tulang-belulang, kepingan kayu, kulit binatang yang pernah ditulis oleh para sahabat ketika baginda Nabi SAW masih hidup.

Setelah dikumpul, proses penulisan semula al-Qur'ān dimulakan dengan menulis di atas helaihan kertas khas yang tersusun. Setiap ayat al-Qur'ān yang ditulis, dipastikan dahulu dengan bersaksikan dua orang sahabat yang pernah menghafalnya di hadapan Nabi SAW. (Al-Şālih, Şubhī, 1988: 76)

Muhasabi telah membuat ulasan bahawa usaha-usaha pengumpulan al-Qur'ān pada zaman Abu Bakr al-Siddiq bukanlah sesuatu yang baru, ia telah bermula sejak zaman Nabi SAW, tetapi Abu Bakr al-Siddiq merupakan perintis penulisan al-Qur'ān yang lebih tersusun, namun ia tidak dapat disempurnakan sepenuhnya disebabkan kewafatannya. Lalu Umar al-Khattab meneruskan usaha yang telah dilakukan oleh Abu Bakr al-Siddiq. Selepas kewafatan Umar al-Khattab ayat-ayat al-Qur'ān lengkap yang telah ditulis serta dikumpulkan kemudian disimpan di rumah Umm al-Mukminin Hafsah binti Umar RA yang merupakan isteri Nabi SAW. (Al-Zarkashī, 2003: 2/238)

ZAMAN UTHMAN AL-AFFAN

Di zaman Uthman al-Affan, al-Qur'ān telah diselaraskan dan dijadikan mushaf kerana pada zaman ini Islam telah berkembang luas meliputi semenanjung Tanah Arab dan lain-lain wilayah termasuk Byzantine, Kufah, Khurasan dan Afika Utara.

Namun perkara yang paling penting ialah apabila Islam mula bertapak di negara-negara selain Arab, umat Islam di wilayah-wilayah tersebut membaca al-Qur'ān mengikut kaedah-kaedah bacaan beberapa para sahabat yang masyhur. Antara wilayah-wilayah yang menggunakan bacaan-bacaan sahabat-sahabat tertentu ialah:

- a) Penduduk Mekah dan Madinah mengambil kaedah bacaan dari Ubay bin Ka'ab, Zayd bin Thabit dan Umar al-Khattab,
- b) Penduduk Syam mengambil kaedah bacaan daripada Uthman al-Affan dan Abu Darda',
- c) Penduduk Basrah mengambil kaedah bacaan dari Umar al-Khattab, Ubay bin Ka'ab, Zayd bin Thabit, Uthman al-Affan, Ali bin Abi Talib dan Abu Musa al-Asha'ari dan
- d) Penduduk Kufah mengambil kaedah bacaan daripada Abdullah bin Mas'ud, Ali bin Abi Talib, Uthman al-Affan, Ubay bin Ka'ab dan Zayd bin Thabit.

Pada zaman ini, penduduk-penduduk Syam dan Iraq telah bergabung bagi membuka beberapa wilayah baru. Di antara sahabat yang menyertai ialah Huzaifah al-Yaman. Beliau telah melihat dan mendengar beberapa perbalahan antara orang Islam kerana mendakwa hanya bacaan mereka yang sahajalah yang betul dan tepat sehingga mencaci-maci antara satu sama lain. (Al-Qadī, 1997: 18)

Bimbang perkara tersebut merebak dan bertambah buruk, Huzaifah al-Yaman lalu menemui Uthman al-Affan dan menceritakan peristiwa yang telah berlaku tersebut selepas selesainya misi pembukaan beberapa wilayah dan memohon agar perkara tersebut diselesaikan segera (Al-Bāqillānī, 1971: 358)

Setelah mendengar penjelasan daripada Huzaifah al-Yaman, Uthman al-Affan telah bersetuju untuk menulis semula al-Qur'ān. Beliau kemudian meminta keizinan Umm al-Mukminin Hafsa untuk meminjam suhuf al-Qur'ān yang berada dalam simpanannya. Keadaan yang berlaku pada zaman Uthman al-Affan ini berlainan dan berbeza daripada apa yang berlaku pada zaman Abu Bakr al-Siddiq.

Antara faktor penyelarasan al-Qur'ān kerana terdapat segelintir kalangan para sahabat Nabi Muhammad SAW yang menggunakan ayat seakan-akan ayat al-Qur'ān atau meniru ayat al-Qur'ān dan perkara tersebut menyebabkan ada di kalangan sahabat yang keliru antara ayat al-Qur'ān dan ayat perkataan biasa, (Ghānīm Qaddurī, 1992: 110) iaitu ayat:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ لَا تَغْلُوا فِي عَثْمَانَ، وَلَا تَقُولُوا لَهُ خَيْرًا (أَوْ قُولُوا لَهُ خَيْرًا)

Maksudnya: “Wahai manusia, janganlah bersikap melampau terhadap Uthman, dan janganlah kamu berkata dengannya melainkan perkara-perkara yang baik”

Perkataan yang disebutkan tersebut hampir sama dengan ayat al-Qur'ān di bawah:

يَأَيُّهَا أَكْتَبِ لَا تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ وَلَا تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقُّ

Maksudnya: “Wahai ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani)! Janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu dan janganlah

kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan (perkataan) yang benar”

(Surah al-Nisā’, ayat: 171)

Uthman al-Affan memanggil Zayd bin Thabit untuk mengetuai dan membentuk jawatankuasa penulisan dan pembukuan al-Qur’ān serta mengarahkan agar mengumpul naskhah al-Qur’ān yang digunakan oleh masyarakat Islam. Hasil pengumpulan dan pembukuan al-Qur’ān sebelum ini, jawatankuasa penulisan tersebut yang diketuai oleh Zayd bin Thabit telah menemui beberapa jenis naskhah al-Qur’ān yang ditulis dengan pelbagai dialek dan disebarluaskan di wilayah-wilayah Islam. Uthman al-Affan memerintahkan agar naskhah-naskhah al-Qur’ān yang digunakan sebelum ini dibakar.

Uthman al-Affan telah dituduh mencemarkan kesucian al-Qur’ān kerana tindakannya memerintahkan agar naskhah-naskhah al-Qur’ān sebelum ini dibakar. Namun pada hakikatnya, tindakannya adalah semata-mata mewujudkan al-Qur’ān yang seragam. Beliau juga memerintahkan al-Qur’ān ditulis semula dengan baik dan jika terdapat percanggahan atau perbezaan tentang bahasa atau dialeknya, maka hendaklah ditulis mengikut bahasa atau dialek Arab Quraisy kerana al-Qur’ān diturunkan dengan bahasa atau dialek tersebut. (Mahayudin Yahaya. 1993: 190).

Uthman al-Affan telah memerintahkan supaya al-Qur’ān ditulis dalam tujuh naskhah dan dihantar ke Kufah, Basrah, Syam, Mekah, Yaman dan Bahrin. Satu naskhah lagi disimpan olehnya di Madinah. (Al-Dānī. 1974: 19)

Terdapat pandangan yang mengatakan di awal pembukuan al-Qur’ān, tulisan mushaf yang ditulis adalah menggunakan tulisan bahasa Arab dengan khat Kufi. Tulisan tersebut berasal dari Kufah. (Ensiklopedia Kesenian dan Warisan Islam. 2010: 10/109)

2.3.3 SELEPAS ZAMAN UTHMAN AL-AFFAN

Sesungguhnya usaha pemurnian al-Qur'ān telah dilakukan pada akhir zaman pemerintahan Ali bin Abi Talib dan di zaman Mu'awiyah bin Abi Sufyan oleh Abu al-Aswad al-Du'ali dengan meletakkan tanda baris bacaan.

Abu al-Aswad al-Du'ali mencadangkan kepada Ali bin Abi Talib dan agar dilakukan sedikit transformasi dengan meletakkan tanda baris yang sebelum ini tiada. Tanda baris yang diletakkan bagi membezakan i'rab pada akhir setiap perkataan. Ia lebih dikenali sebagai ilmu nahu. Oleh sebab yang demikian, Abu al-Aswad al-Du'ali dianggap sebagai pengasas ilmu ini dengan membentuk teknik serta kaedah bagi memudahkan bacaan. (Al-Qiftī, 1986: 1/39)

Usaha tersebut diteruskan sehingga ke zaman Mu'awiyah bin Abi Sufyan. Tujuan yang dilakukan adalah mahu memelihara dari berlakunya kesalahan dalam bacaan al-Qur'ān. Kaedah yang digunakan oleh Abu al-Aswad al-Du'ali ialah dengan meletakkan titik berwarna merah pada akhir perkataan. Bagi fatḥat iaitu tanda baris atas, beliau meletakkan satu titik di atas huruf, kasrat iaitu tanda baris bawah, beliau meletakkan satu titik di bawah huruf, dammat iaitu tanda baris depan, beliau meletakkan titik di depan atau selepas perkataan. Tanda baris tersebut berbeza dengan tanda baris yang ada pada hari ini. Ia dikenali sebagai Naqt I'rāb. (Al-Zarqānī, 1988: 108)

Pada zaman pemerintahan Abd al-Malik bin Marwan, ramai di kalangan orang bukan Arab memeluk Islam. Kebanyakan mereka tidak mampu membaca al-Qur'ān dengan dengan betul dan tepat. Ini kerana huruf di dalam al-Qur'ān kelihatan sama kerana tidak mempunyai titik bagi membezakan huruf-hurufnya. Maka beliau telah memerintahkan Hajjaj bin Yusof al-Thaqafi untuk melakukan pemurnian terhadap tulisan Arab bagi

meraikan orang bukan Arab. Hajjaj lalu memanggil dua orang pakar bahasa Arab terkenal ketika itu iaitu Nasr bin Asim al-Laithi dan Yahya bin Ya'mar untuk melakukan sedikit perubahan dengan meletakkan tanda titik bagi membezakan antara satu huruf dengan huruf yang lain seperti huruf ba (ب), ta (ت), jim (ج), kha (خ) dan lain-lain. Ia juga dikenali sebagai Naqt I'jām. Sebelum ini, huruf-huruf Arab tidak mempunyai titik kerana masyarakat Arab ketika itu tahu membezakan antara huruf-huruf Arab.

Al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi pula telah melakukan perubahan titik i'rāb kepada baris iaitu fatḥat dengan tanda sempang di atas huruf, kasraṭ dengan tanda sempang di bawah huruf, ḍammat dengan tanda waw kecil di atas huruf, dan tanwīn dengan tambahan tanda serupa bagi setiap baris seperti yang dilihat pada hari ini.

Pada zaman al-Ma'mun bin Harun al-Rasyid (Abbasīyyat), penulisan al-Qur'an telah hampir mencapai tahap kesempurnaan. Umat Islam ketika itu bersaing menulis mushaf al-Qur'an dengan menggunakan khat yang cantik dan menarik bagi memudahkan pembacaan al-Qur'an. (Al-Zarqānī, 1988: 104)

Ahli Qirā'at pada era ini telah menambahkan tanda-tanda waqf seperti tanda bilangan ayat ﴿﴾, waqf lāzim adalah (ۖ), waqf mamnū' (ۚ), waqf jāiz yang boleh waqf atau tidak (ۤ), waqf jāiz tetapi jika disambung lebih baik (ۢ), waqf jāiz tetapi jika diberhentikan lebih baik (ۣ), waqf mu'anaqat iaitu berhenti pada salah satu tanda ini (ۖ ۣ) seterusnya meletakkan tanda juzu', tanda hizb dan lain-lain. (Ali Akbar, 2008: 20)

Sebilangan umat Islam tidak bersetuju dengan kekerapan dalam penambahbaikan dan pemurnian di dalam al-Qur'an kerana dikhuwatirinya berlakunya tokok-tambah di dalam penulisan al-Qur'an berdasarkan kata-kata salah seorang sahabat iaitu Abdullah bin

Mas'ud yang diriwayatkan oleh Abū Ubaid “*Murnikanlah al-Qur'ān dan jangan mencampurkan dengan apa-apa jua*”. (Al-Suyūtī, 2005: 209)

Sementara itu, penulis telah menemui beberapa bentuk penulisan mushaf al-Qur'ān di dalam beberapa buku antaranya Panduan Rasm Uthmani, Reḥlat al-Muṣṭafā al-Sharīf min al-Jarīd ila al-Tajlīd, Rasm al-Muṣṭafā Dirāsat Lughawīyyat Tārīkhīyyat dan beberapa buah buku lagi. Maklumat mengenai sejarah pengumpulan al-Qur'ān dapat disimpulkan seperti berikut:

Jadual 2.1: Kronologi Pengumpulan al-Qur'ān

TEMPOH	KAEDAH PENGUMPULAN
Zaman Nabi Muhammad SAW	a) Penurunan al-Qur'ān b) Penulisan al-Qur'ān
Zaman Abu Bakr al-Siddiq dan Umar al-Khattab	a) Pengumpulan al-Qur'ān b) Pembukuan al-Qur'ān
Zaman Uthman al-Affan	Penyelarasan al-Qur'ān dan pembukuan mushaf
Selepas zaman Uthman al-Affan	a) Pemurnian al-Qur'ān di akhir pemerintahan Ali bin Abi Talib b) Pemurnian al-Qur'ān di zaman Umaiyyat c) Pemurnian al-Qur'ān di zaman Abbasīyyat

2.4 MUŞHAF ‘UTHMĀNĪ

Mushaf merupakan nama bagi kitab suci al-Qur’ān. Perkataan mushaf mula digunakan pada zaman Uthman al-Affan. Beliau telah memerintahkan penyusunan semula mushaf al-Qur’ān dalam bentuk yang lengkap dan mengenepikan segala bentuk salinan al-Qur’ān sebelum ini. Disebabkan usaha menulis mushaf ini dilakukan di zaman beliau atas arahannya maka al-Qur’ān tersebut dipanggil sebagai mushaf ‘uthmānī, iaitu dengan menyandarkan mushaf tersebut kepada beliau. (Ensiklopedia Kesenian dan Warisan Islam, 2010: 9/53)

Penulis mendapat terdapat juga beberapa pendapat yang mengatakan perkataan mushaf telah digunakan ketika zaman Abu Bakr al-Siddiq. Apabila al-Qur’ān telah sempurna dikumpulkan dan disalin, seorang sahabat mencadangkan perkataan mushaf kerana masyarakat di Habshat menggunakan nama tersebut untuk al-Qur’ān. Lantas semua sahabat yang berada bersama Abu Bakr al-Siddiq ketika itu bersetuju. (Al-Sajistānī, 2002)

2.4.1 Rasm ‘Uthmānī

Rasm ‘uthmānī adalah bentuk tulisan mengikut kaedah tertentu dan ia berlainan sedikit dengan penulisan biasa. Rasm ‘uthmānī juga di sebut sebagai rasm iṣṭilāḥī. Rasm ini bertujuan menyatukan perbezaan bacaan yang berlaku ketika itu dengan menggunakan tulisan bahasa Arab dialek Quraisy sahaja. Terdapat beberapa perselisihan faham dalam kalangan ulama mengenai rasm ‘uthmānī ini sama ada tawqīfī atau tawfīqī (Al-Badrī, 1984):

- a) Pandangan pertama, iaitu jumhur ulama' mengatakan bahawa rasm 'uthmānī adalah tawqīfī. Ini bermaksud al-Qur'ān hanya boleh digunakan menggunakan rasm 'uthmānī sahaja. Ini kerana rasm 'uthmānī ini telah digunakan semenjak al-Qur'ān mula diturunkan. Oleh yang demikian, jumhur ulama mengharamkan al-Qur'ān ditulis selain dari rasm 'uthmānī.
- b) Pendapat kedua menyatakan bahawa tulisan al-Qur'ān adalah tawfīqī. Ia menyatakan bahawa tulisan yang digunakan ketika itu kebetulan sahaja dan tulisan itu wujud pada waktu tersebut. Mereka mengatakan jika ada bentuk tulisan lain ketika waktu tersebut, kemungkinan al-Qur'ān ditulis dengan tulisan tersebut. Mereka berpendapat tiada dalil daripada al-Qur'ān atau pun hadīth yang menyuruh al-Qur'ān ditulis dengan rasm 'uthmānī atau tulisan bahasa Arab Quraisy.
- c) Pendapat ketiga mengambil jalan tengah antara dua pendapat di atas. Mereka tidak mengatakan tawqīfī atau mahupun taufīqī. Walau bagaimanapun, mereka tidak bersetuju rasm 'uthmānī dibuang atau ditinggalkan terus. Rasm tersebut perlu dipelihara sebagai usaha mengetahui serta mengingati sejarah penulisan al-Qur'ān. Mereka berpendapat tidak menjadi kesalahan jika al-Qur'ān ditulis dengan tulisan bahasa Arab selain dari tulisan bahasa Arab Quraisy.

Di awal penulisan mushaf 'uthmānī, al-Qur'ān telah ditulis tanpa meletakkan sebarang titik dan baris serta berbeza dari segi kaedah penulisan dengan menyentuh permasalahan berikut:

Jadual 2.2: Kaedah Penulisan al-Qur’ān Rasm ‘Uthmānī

BIL	KAEDAH ‘UTHMĀNĪ	MAKSUDNYA
a)	Al-Hazf (الحذف)	Membuang Huruf
b)	Al-Ziadah (الزيادة)	Menambah Huruf
c)	Al-Hamzah (الهمزة)	Penulisan Hamzah
d)	Al-Ibdal (الإبدال)	Menggantikan Huruf dengan Huruf Lain.
e)	Al-Fasl wa al-Wasl (الفصل والوصل)	Memisah dan Menyambung Tulisan Pada Perkataan dan Huruf.

Dato' Mohamad Nor Mansor al-Hafiz (2012) mendapati kaedah-kaedah ini bertepatan dengan kaedah penulisan yang telah dinyatakan (al-Dibā': 15) dan penggunaan kaedah penulisan menggunakan rasm ‘uthmānī kini telah disepakati di kebanyakan Negara Islam.

Menurut beliau rasm ‘uthmānī tidak mempunyai kaitan dengan Sab‘atu Ahruf walaupun di sana ada disebut perkataan Ahruf iaitu huruf-huruf, namun perkara tersebut dilihat hanya melibatkan ilmu Qirā’at sahaja iaitu bacaan sebahagian dialek. Menurut beliau juga kaedah penulisan al-Qur’ān yang digunakan di kebanyakan Negara adalah sama, cuma yang membezakannya hanyalah khat yang digunakan.

2.5 RASM IMLĀ’I DAN PERBEZAAN DENGAN RASM ‘UTHMĀNĪ

Rasm imlā’i merupakan bentuk tulisan al-Qur’ān menggunakan kelaziman sebutan dan pertuturan bahasa Arab. Rasm ini dikenali dengan rasm qiyāsī. Rasm ini hanya berpandukan kepada huruf-huruf ejaannya yang bertepatan dengan sebutan.

Penulisan menggunakan rasm imlā'i ini berlaku selepas zaman para sahabat bertujuan memudahkan orang ramai membaca al-Qur'ān. Di Malaysia pada zaman 70-an dahulu, masyarakat Islam ketika itu menggunakan Qur'ān Majīd. Al-Qur'ān tersebut ditulis dengan menggunakan rasm imlā'i.

Terdapat beberapa perbezaan antara penulisan al-Qur'ān dengan menggunakan rasm 'uthmānī dan rasm imlā'i. Perbezaan di dalam rasm 'uthmānī dan rasm imlā'i berkait-rapat dengan kaedah penulisan bahasa Arab. Antara contoh ringkas yang diberikan (Panduan Rasm Uthmani. 2007: 29-50) ialah:

Jadual 2.3: Contoh al-Hazaf

A)	AL-HAZAF (الحنف) Membuang Huruf	
Surah / Ayat	'Uthmānī	Imlā'i / Ejaan Asal
Al-Fātiḥa 1: 1	بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ	باسم الله الرحمن الرحيم
Membuang huruf Alif pada perkataan (اسم) pada ayat di atas.		
Al-Baqara 2: 136	إِسْمَاعِيلُ	إسماعيل
Membuang huruf Alif di tengah perkataan seperti di atas.		

Jadual 2.4: Contoh al-Ziyādat

B)	AL-ZIYĀDAT (الزيادة) Menambah Huruf	
Surah / Ayat	‘Uthmānī	Imlā’i / Ejaan Asal
Al-Qamar 54: 27	إِنَّا مُرْسِلُوا أَنَّاقَةً	مرسلو
Menambah Alif selepas huruf Waw Jama’ pada perkataan Mudhakkār Sālim yang berada di hujung perkataan.		
Al-Anfāl 8: 66	مَائَةٌ	مائة
Menambah Alif selepas huruf Mim pada perkataan (مائة)		

Jadual 2.5: Contoh Hamzat

C)	HAMZAT (همزة) Penulisan Hamzah	
Surah / Ayat	‘Uthmānī	Imlā’i / Ejaan Asal
Yūsuf 12: 82	وَسْعَلِ	واسأل
Hamzah Waṣl terletak pada Fe’el Amr (سُئل) bagi perkataan selepas Waw atau Fa’.		
Al-Baqaraṭ 2: 49	نِسَاءَ كُمْ	نساءكم
Hamzah Qaṭa’ yang didahului tanda sukun dibuangkan suurah Hamzah.		

Jadual 2.6: Contoh al-Ibdāl

AL-IBDĀL (الإبدال) Ganti Huruf		
Surah / Ayat	‘Uthmānī	Imlā’i / Ejaan Asal
Al-Baqaraṭ 2: 3	الصلوٰة	الصلوة
Menggantikan alif kepada wau.		
Ali Imrān 3: 73	الهُدَى	الهدا
Menggantikan alif kepada ya.		

Jadual 2.7: Contoh al-Maqtū’ dan al-Waṣl

AL-MAQTŪ’ WA AL-WAŚL (المقطوع والوصل) Mengasingkan dan Menyambung Huruf		
Surah	Ayat/‘Uthmānī	
Al-Nūr 24: 14	فِي مَا أَفْضَلْتُمْ	
AL-MAQTŪ’ (MENGASINGKAN)		
Harus diwaqfkan pada perkataan pertama (فِي) atau pada perkataan kedua (مَا) kerana kehabisan nafas disebabkan dua perkataan ini ditulis berasingan.		
Al-Mā’idah 5: 93	فِيمَا طَعِمُوا	
AL-WAŚL (MENGASINGKAN)		
Tidak boleh diwaqfkan pada perkataan pertama iaitu (فِي) sebaliknya boleh diwaqfkan pada perkataan kedua iaitu (مَا) kerana kedua-dua perkataan ini ditulis dalam satu perkataan.		

2.6 KAWALAN TEKS AL-QUR'ĀN DI MALAYSIA

Persidangan Raja-raja Melayu pada 8 Februari 1984 telah memutuskan agar diwujudkan peruntukan undang-undang bagi mengawal serta memelihara kesucian al-Qur'ān dari sebarang pencemaran yang melibatkan penyusunan ayat-ayat, penulisan, pengedaran dan lain-lain.

Setelah itu, pada tahun 1986 Akta Percetakan Teks al-Quran telah diwartakan. Bagi merealisasikan Akta tersebut, kerajaan telah menubuhkan Lembaga Pengawalan dan Perlesenan Percetakan al-Quran dan ia dianggotai oleh para Mufti dan Kadi Besar bagi setiap negeri di Malaysia. Di antara fungsi Lembaga ini ialah meneliti serta memperakui kesahihan teks al-Qur'ān untuk diterbitkan. (Panduan Rasm Uthmani, 2007: 111-113)

Lembaga tersebut akhirnya pada menubuhkan sebuah jawatankuasa Lajnah Tashih al-Quran yang terdiri di kalangan huffaz dan pakar dalam al-Qur'ān. Tanggungjawab Lajnah ini adalah memastikan kaedah penggunaan rasm dan dabit dengan tepat, menyelaraskan rasm al-Qur'ān di Malaysia serta penyemakan dan pengawalan. Lajnah ini kini dipengerusikan oleh Dato' Mohamad Nor Mansor al-Hafiz.

Lajnah seperti ini terdapat dikebanyakan Negara Islam seperti di Arab Saudi, Syria, Jordan dan lain-lain bertujuan bagi memastikan tiada kecatatan dalam penulisan al-Qur'ān.

2.7 KESIMPULAN

Dalam bab ini, penulis ingin menjelaskan bahawa al-Qur'ān merupakan wahyu daripada Allah SWT yang sangat hebat berdasarkan kepada keunikan di dalam kronologi pengumpulan dan pembukuan al-Qur'ān. Walaupun al-Qur'ān telah mengalami proses pembaikkan dan pemurnian khususnya di Malaysia melalui Lajnah Tashih al-Quran, tetapi jika dilihat kepada kronologi terhadap pemprosesan tersebut hanyalah melibatkan penulisan al-Qur'ān dan bukan terhadap makna di dalam ayat.

Penulis juga mendapati maklumat berkaitan sejarah penulisan al-Qur'ān masih kurang dilakukan secara terperinci khususnya Dhabit al-Qur'ān (tanda-tanda) yang terdapat di dalam al-Qur'ān walaupun banyak kajian terhadap sejarah pembukuan al-Qur'ān yang telah dilakukan.

Penulis membuat sedikit kesimpulan bahawa kaedah penulisan al-Qur'ān rasm 'uthmānī amat unik dan ia mempunyai kehebatan yang tersendiri. Ia mampu mengekalkan bentuk penulisan semenjak dahulu sehingga kini dan sememangnya bertepatan dengan jaminan Allah SWT dalam firmanNya berhubung pemeliharaan al-Qur'ān iaitu:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Dhikr (*al-Qur'ān*) dan sesungguhnya Kamilah yang memeliharanya”

(Surah al-Hijr, ayat: 9)

BAB TIGA

WAQF BACAAN AL-QUR'ĀN DAN TANDANYA

3.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, penulis akan membincangkan perkara yang mempunyai kaitan waqf bacaan al-Qur'ān dan tandanya seperti makna dan perbezaan waqf mengikut beberapa takrif yang berbeza berdasarkan kepada beberapa istilah, jenis-jenis tanda waqf bacaan al-Qur'ān yang terdapat di dalam mushaf rasm 'uthmānī serta hukum yang mempunyai kaitan di dalam bacaan tersebut.

Sesungguhnya kajian ini melihat kepada makna dan maksud (al-Dilālat) yang terdapat di sebalik tanda-tanda waqf bacaan al-Qur'ān. Ahmad Mukhtār 'Umar menyebut bahawa semantik ialah:

درَاسَةُ الْمَعْنَى أَوْ الْعِلْمُ الَّذِي يَدْرِسُ الْمَعْنَى أَوْ ذَلِكَ الْفَرْعُ مِنْ عِلْمِ الْلُّغَةِ الَّذِي يَتَنَاهُ نَظَرِيَّةُ
الْمَعْنَى أَوْ ذَلِكَ الْفَرْعُ الَّذِي يَدْرِسُ الشُّرُوطُ الْوَاجِبُ تَوَافِرُهَا فِي الرَّمْزِ حَتَّى يَكُونُ قَادِرًا عَلَى
حمل المَعْنَى

Maksudnya: “Kajian mengenai makna, atau ilmu yang menerangkan makna, atau ilmu linguistik yang mengkaji teori makna, atau ilmu linguistik yang mengkaji syarat-syarat yang harus dipenuhi terhadap tanda-tanda sehingga mempunyai makna”

Beberapa orang ulama' menyatakan bahawa seseorang yang hendak mentafsir al-Qur'ān memerlukan beberapa syarat. Antara syarat-syaratnya ialah seseorang penafsir mestilah menguasai ilmu bahasa Arab, menguasai asbab al-Nuzul ayat yang diturunkan serta mengetahui sejarah kehidupan Nabi SAW. (Nashruddin Baidan, 2002: 267)

Terdapat juga pendapat yang menyebut bahawa kaedah memahami dan mendalami al-Qur'an yang paling utama ialah dengan memahami bahasa Arab. Tanpa memahami bahasa Arab, seseorang tidak mampu memperolehi rahsia-rahsia yang terselindung di sebalik bacaan al-Qur'an. (Nazzwardi Abu Bakar Aly, 2000: 48)

Setiap pembaca al-Qur'an sepatutnya mengetahui bahasa Arab secara amnya dan waqf bacaan al-Qur'an secara khusus di dalam setiap bacaan kerana pengertian makna ayat suci al-Qur'an berpandukan serta berdasarkan kepada semantik ayat, termasuklah yang berkaitan dengan waqf bacaan al-Qur'an kerana terdapatnya suruhan yang meminta kita memperbaiki bacaan al-Qur'an berdasarkan ayat:

أَوْزِدْ عَلَيْهِ وَرَتِيلْ الْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا

Maksudnya: “Atau pun lebihkan (sedikit) daripadanya dan bacalah al-Qur'an dengan tartil”

(Surah al-Muzzammil, ayat: 4)

Abd al-Rahman al-Sa'dī telah menyatakan bahawa seseorang yang membaca al-Qur'an dengan tartil boleh menghasilkan tadabbur (penghayatan) dan tafakkur (pemahaman) terhadap makna ayat-ayat dan juga boleh menggerakkan hati seseorang pembaca. (Majalah Fatawa. Vol. III/No.11 | November 2007)

3.2 DEFINISI WAQF

a) Bahasa

Perkataan waqf **وقف** dari sudut bahasa adalah kata terbitan berasal daripada **وقف**. Ini merujuk kepada beberapa kamus Arab, makna waqf dari segi bahasa ialah berhenti atau menahan. Dalam Lisān al-Arab (Ibn Manzūr. 1995:15/374) bermaksud berhenti iaitu berdiri untuk duduk. Sementara itu, dalam kamus al-Mawrīd, Arabic-English Dictionary (2000: 1244) diterjemahkan stopping, stop (page), halt (ing) iaitu berhenti, henti pada (halaman), menghentikan.

Dalam al-Qur'ān terdapat empat (4) tempat yang menggunakan perkataan **وقف** yang mana ia mempunyai beberapa maksud, antaranya:

وَلَوْ تَرَى إِذْ وُقْفُوا عَلَى الْنَّارِ فَقَالُوا يَلِيقُونَا نُرْدُ وَلَا نُكَذِّبُ بِعَايَتِ رَبِّنَا

Maksudnya: “*Dan jika engkau melihat ketika mereka didirikan di tepi neraka (untuk menyaksikan azabnya yang tidak terperi), lalu mereka berkata: wahai Tuhan! sekiranya kami dikembalikan (ke dunia), dan kami tidak akan mendustakan lagi ayat-ayat keterangan Tuhan kami”*

(Surah al-An'ām, ayat: 27)

Seterusnya ayat:

وَلَوْ تَرَى إِذْ وُقْفُوا عَلَى رَحِمٍ قَالَ أَلَيْسَ هَذَا بِالْحَقِّ

Maksudnya: “*Dan jika engkau melihat ketika mereka dihadapkan kepada Tuhan mereka, (lalu) Allah berfirman, bukankah (hari Qiamat) ini suatu perkara yang benar?”*

(Surah al-An'ām, ayat: 30)

Seterusnya ayat:

... وَلَوْ تَرَى إِذَا الظَّالِمُونَ مَوْفُوفُونَ عِنْدَ رَبِّهِمْ ...

Maksudnya: “*Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu dibawa berdiri di hadapan Tuhan mereka (untuk dihisab)*”

(Surah Saba’, ayat: 31)

Seterusnya ayat:

وَقَفُوهُمْ أَهْمَمْ مَسْئُولُونَ

Maksudnya: “*Dan hentikanlah mereka kerana sesungguhnya mereka akan disoal*”

(Surah al-Şāffāt, ayat: 24)

b) Istilah

Menurut Dato’ Mohamad Nor Mansor al-Hafiz (2012) waqf bermaksud memutuskan suara ketika di dalam bacaan al-Qur’ān dan takrif ini bertepatan dengan takrif waqf iaitu memotong atau berhenti pada perkataan untuk meneruskan bacaan dengan mengambil nafas. (‘Uthmān Sulaymān Murād, 2000: 126)

Waqf dari segi istilah ilmu tajwid memberi makna menghentikan bacaan dengan memutuskan suara pada sesuatu perkataan di dalam ayat al-Qur’ān dengan tujuan mengambil nafas baru sebelum meneruskan bacaan. (Surur Shihabuddin al-Nadawi, 2005: 2/287)

Al-Hazlī menyatakan bahawa waqf adalah bertujuan mencantikkan bacaan pembaca, menyampai dan memahamkan pendengar supaya mengetahui maksud perkataan yang berlainan serta hukum-hukum di dalam al-Qur'ān. (Rauḍat Jamāl al-Ḥaṣrī, 2005: 142)

Di sini menunjukkan seseorang yang ingin memahami al-Qur'ān perlulah memahami makna yang dikehendaki khususnya berkaitan tempat berhenti di dalam al-Qur'ān. Mereka yang tidak mengetahui selok-belok berkaitan ilmu ini kemungkinan tidak mampu menterjemahkan ayat-ayat di dalam al-Qur'ān dengan sempurna.

Dato' Mohamad Nor Mansor al-Hafiz (2012) berpendapat bahawa waqf bacaan al-Qur'ān adalah sesuatu yang amat ditekan dan dititikberatkan oleh baginda Nabi SAW walaupun ketika itu ilmu khusus berkaitan waqf bacaan al-Qur'ān belum lagi wujud, ini kerana bangsa Arab ketika itu memahami struktur tatabahasa Arab. Namun setelah itu, para ulama' mula memikirkan untuk meletakkan tanda-tanda waqf bacaan al-Qur'ān. Tanda-tanda tersebut merupakan ijтиhad para ulama' bagi memastikan setiap ayat yang diberhentikan pada tempat yang betul mampu memberikan makna yang tepat dan jelas.

3.3 DALIL WAQF BACAAN AL-QUR'ĀN

Berdasarkan kepada dalil bacaan waqf bacaan al-Qur'ān yang telah diriwayatkan dari Ummu Salamah melalui sabda Nabi SAW ketika mana beliau ditanya tentang bacaan waqf al-Qur'ān:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْطَعُ قِرائَتَهُ يَقُولُ: الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ثُمَّ يَقْفَ أَلْرَحْمَنْ أَلْرَحِيمْ ثُمَّ يَقْفَ، كَانَ يَقْرَا مَنْلِكَ يَوْمِ الدِّينِ.

Maksudnya: “*Sesungguhnya Rasulullah SAW memutus-mutuskan bacaannya, baginda membaca الحمد لله رب العالمين kemudian berhenti, kemudian berhenti, kemudian beliau membaca مالك يوم الدين اللهم رب الدين*”

Sesungguhnya Ali bin Abi Talib telah menyatakan bahawa maksud tartil dalam bacaan al-Qur’ān adalah:

الترتيل هو تجويد الحروف ومعرفة الوقف

Maksudnya: “*Tartil adalah mentajwidkan huruf-huruf bacaan al-Qur’ān dan mengetahui kedudukan tempat waqf yang sesuai*”

3.4 SEBAB WAQF BACAAN AL-QUR’ĀN DAN PEMBAHAGIANNYA

Sebab-sebab waqf bacaan al-Qur’ān terbahagi kepada empat (4) bahagian (Atiyyat Qābil Naṣr. 1997: 223) iaitu:

Jadual 3.1: Sebab Waqf Bacaan al-Qur’ān

1	Waqf Ikhtibārī (الوقف الاختباري)	Berhenti disebabkan menerang/mengajar hukum
2	Waqf Iḍtirārī (الوقف الاضطراري)	Berhenti disebabkan terdesak
3	Waqf Intizārī (الوقف الانتظاري)	Berhenti disebabkan belajar/menunggu bacaan
4	Waqf Ikhtiyārī (الوقف الاختياري)	Berhenti disebabkan terdapat pilih selagi tidak merosakkan maksud

a) Waqf Ikhtibārī

Waqf Ikhtibārī ialah menghentikan bacaan pada perkataan yang bukan tempat waqf bertujuan menerang atau mengajar hukum atau bertujuan untuk menguji dan menyoal pengetahuan seseorang mengenai sesuatu perkataan yang dibacakan.

Hukum Waqf Ikhtibārī adalah harus dan ia dibenarkan atas faktor-faktor di atas. Namun pembaca hendaklah mengulang kembali pada perkataan yang diwaqfkan atau sebelum perkataan tersebut bagi menyempurnakan maksud sebenar dalam ayat tersebut.

b) Waqf Iḍtirārī

Waqf Iḍtirārī ialah menghentikan bacaan disebabkan terpaksa atau terdesak. Waqf sebegini selalunya disebabkan kerana kekurangan nafas (terputus), bersin, menguap, menangis, tercekik atau sebagainya. (Ahmad Ibrāhīm Abd al-Rahman, 2001: 67)

Hukum Waqf Iḍtirārī adalah harus dan dibenarkan kerana Allah SWT tidak membebangkan hambanya sesuatu yang tidak mampu dipikul. Namun pembaca hendaklah mengulang kembali pada perkataan yang diwaqfkan atau sebelum perkataan tersebut bagi menyempurnakan maksud sebenar dalam ayat tersebut.

c) Waqf Intizārī

Waqf Intizārī ialah menghentikan bacaan disebabkan mencukupkan bentuk-bentuk bacaan qirā’at untuk dipelajari serta melihat perbezaan bacaan.

Hukum Waqf Intizārī adalah harus disebabkan mendengar serta memerhati beberapa bentuk qirā'at sebelum meneruskan bacaan. Namun pembaca hendaklah mengulang kembali pada perkataan yang diwaqfkan atau sebelum perkataan tersebut.

d) Waqf Ikhtiyārī

Waqf Ikhtiyārī ialah menghentikan bacaan pada perkataan secara pilihan kerana tanpa mempunyai sebab-sebab yang lain selain dari apa yang telah dihuraikan sebelum ini. Waqf seperti ini hukumnya harus melainkan apabila berubah makna yang dikehendaki, maka ketika itu wajib disambungkan.

Menurut Ibn al-Jazarī (Rauḍat Jamāl al-Hasrī. 2005:146) menyebut bahawa Waqf Ikhtiyārī terbahagi kepada empat (4) iaitu:

Jadual 3.2: Pembahagian Waqf Bacaan al-Qur'ān

1	Waqf Tām (الوقف التام)	Berhenti Yang Sempurna
2	Waqf Kāfi (الوقف الكافي)	Berhenti Yang Memadai
3	Waqf Ḥasan (الوقف الحسن)	Berhenti Yang Elok
4	Waqf Qabīḥ (الوقف القبيح)	Berhenti Yang Buruk

1. Waqf Tām

Menghentikan bacaan pada perkataan yang sempurna maknanya, tidak terikat lafaz iaitu dari segi i'rāb dan maknanya dengan perkataan selepasnya. Sesetengah kitab menyebutkan al-Waqf al-Tām ini mempunyai dua (2) jenis (a) Waqf Lāzim (الوقف اللازم) dan (b) Tām Muṭlaq (النَّاَمُ الْمُطْلَقُ)

a) Waqf Lāzim

Dikehendaki menghentikan bacaan pada perkataan tersebut serta memulakan bacaan selepasnya. Jika disambung boleh menyebabkan kekeliruan terhadap makna ayat yang dikehendaki. Contohnya, menghentikan perkataan pada :

فَلَا يَحْزُنْكَ قَوْلُهُمْ إِنَّا نَعْلَمُ مَا يُسْرُونَ ﴿٧٦﴾

Maksudnya: “*Maka janganlah engkau (wahai Muhammad) berdukacita disebabkan tuduhan-tuduhan mereka (terhadapmu), sesungguhnya Kami mengetahui apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka nyatakan”*

(Surah Yāsin, ayat: 76)

Hendaklah menghentikan bacaan pada perkataan **قولهم** kerana jika disambung boleh menyebabkan kekeliruan terhadap maksud yang dikehendaki.

b) Tām Muṭlaq

Elok diberhentikan bacaan pada perkataan tersebut dan elok dimulakan bacaan selepas perkataan tersebut. Harus menyambung terus bacaan selagi mana ia tidak mengubah makna. Contoh dalam:

الَّذِينَ يُبَلِّغُونَ رِسَالَتِ اللَّهِ وَتَخَشَّوْنَهُ وَلَا يَخْشَوْنَ أَحَدًا إِلَّا اللَّهُ وَكَفَى بِاللَّهِ حَسِيبًا ﴿٣٩﴾

Maksudnya: “(*Nabi-nabi yang telah lalu*) ialah orang-orang yang menyampaikan syariat Allah SWT serta mereka takut melanggar perintahNya, dan mereka pula tidak takut kepada sesiapa pun melainkan kepada Allah; Dan cukuplah Allah menjadi penghitung (atas segala apa yang dilakukan)”

(Surah al-Ahzāb, ayat: 39)

Ini merupakan sifat yang terpuji Nabi dan Rasul yang dinyatakan supaya ia menjadi contoh kepada manusia yang lain dan ia tidak mengubah makna jika diberhentikan pada perkataan ﴿إِلَّا اللَّهُ حَسِيبًا﴾ atau disambung dengan ayat selepasnya . وَكَفَى بِاللَّهِ حَسِيبًا .

2. Waqf Kāfi

Menghentikan bacaan pada perkataan yang tidak mempunyai hubungan dengan perkataan selepasnya dari segi lafaz tetapi mempunyai kaitan dari segi makna. Contohnya pada ayat:

مَلِكِ يَوْمَ الْدِينِ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Maksudnya: “*Yang menguasai pemerintahan hari pembalasan (hari Akhirat). Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami abdikan diri dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan”*

(Surah al-Fātiḥah, ayat: 4-5)

Dalam contoh yang diberikan di atas, pada akhir ayat ke 4 tersebut, ayatnya telah sempurna mengikut susunan ayat dan lafaz iaitu pada perkataan **الدين** jika diwaqf, tetapi ia mempunyai kaitan makna dengan ayat selepasnya yang dimulai dengan perkataan **إيَّاكَ** . Harus waqf pada perkataan **الدين** ini dan ibtidā’ selepas perkataan yang diwaqfkan tersebut.

Terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mas’ud yang menceritakan berkaitan al-Waqf al-Kāfi katanya: “*Nabi Muhammad SAW telah bersabda kepadaku: Bacakan al-Qurān kepadaku. Maka aku menjawab: Patutkah aku membacakan al-Qurān kepadamu sedangkan ia diturunkan kepadamu. Lalu baginda berkata: Sesungguhnya Aku amat suka orang lain membacakan kepadaku. Maka aku memulakan bacaan dari surah al-Nisā’ sehingga sampai kepada ayat:*

فَكَيْفَ إِذَا حِئْنَا مِن كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدٌ وَجِئْنَا بِكَ عَلَى هَؤُلَاءِ شَهِيدًا ﴿٤١﴾

Lalu aku melihat kedua mata baginda berlinangan air mata dan baginda berkata kepadaku: cukuplah! (setakat itu) ”

Al-Danī menyebut hadith ini menunjukkan harusnya berhenti pada al-Waqf al-Kāfi kerana terdapat dalil padanya.

3. Waqf Ḥasan

Menghentikan bacaan pada perkataan yang telah sempurna makna pada dirinya, tetapi lafaznya masih lagi terikat dengan perkataan berikutnya, seperti menghentikan pada şifat, badal, hal, tawķid dan lain-lain. Contoh dalam ayat:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Maksudnya: “*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih*”

(Surah al-Fātiḥat, ayat: 1)

Menghentikan bacaan pada perkataan بسم الله الرحمن الرحيم kemudian memulakan bacaan pada الرحمن الرحيم, hukumnya adalah harus tetapi maksudnya belum lengkap kerana perkataan berkait dengan perkataan Allah sebelumnya yang menunjukkan şifaṭ bagi Allah.

4. Waqf Qabīḥ

Menghentikan bacaan pada perkataan yang tidak sempurna makna di dalam ayat kerana makna dan lafaznya masih lagi terikat dengan perkataan selepasnya yang boleh menyebabkan makna diragui melainkan disebabkan al-Waqf al-Id̄firārī.

Terdapat beberapa bentuk Waqf Qabīh, antaranya:

- a) Menghentikan perkataan yang belum lengkap dari segi susunan tatabahasa, antara contoh kesalahan-kesalahan waqf adalah seperti ini, contohnya:

Berhenti pada kata penyandar رب yang akan memisahkan sandarannya, seperti dalam perkataan:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ - الْعَلَمِينَ

Maksudnya: “*Segala puji tertentu bagi Allah Tuhan - sekalian alam*”

(Surah al-Fātiḥat, ayat: 2)

- b) Menghentikan perkataan yang akan merosakkan maksud sebenar, antara contoh-contoh waqf yang merosakkan maksud ayat ialah berhenti pada perkataan (الصلة) seperti di bawah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا لَا تَقْرُبُوا الْمَصَابَةَ - وَأَنْتُمْ سُكَّرَى

Maksudnya: “*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menghampiri sembahyang (mengerjakannya) - sedang kamu dalam keadaan mabuk*”

(Surah al-Nisā’, ayat: 43)

Berdasarkan kepada contoh yang dibawa, waqf jika dilakukan dengan niat menghina al-Qur’ān adalah haram dan ia boleh membawa syirik dan membantalkan iman dan syahadah.

3.5 TANDA-TANDA WAQF BACAAN AL-QU'R'ĀN

Untuk memudahkan pembaca al-Qur'ān mengetahui tempat-tempat waqf yang betul khususnya di pertengahan ayat, sebahagian ahli-ahli al-Qur'ān telah meletakkan tanda-tanda waqf di dalam rasm 'uthmānī. Dato' Mohamad Nor Mansor al-Hafiz (2012) menyatakan perkara ini tidak disepakati oleh ahli-ahli al-Qur'ān seperti al-Khusārī.

Namun begitu perkara meletakkan tanda waqf bacaan al-Qur'ān ini adalah merupakan ijihad dalam kalangan ulama' yang pakar dalam bidang tafsir dan bahasa Arab. Berikut merupakan tanda-tanda waqf di dalam al-Qur'ān rasm 'uthmānī:

Jadual 3.3: Tanda-Tanda Waqf Bacaan al-Qur’ān

Terdapat pendapat yang memasukkan tanda saktah (و) sebahagian dari tanda waqf.

Oleh yang demikian penulis merasakan wajar agar tanda saktah ini masukkan dan dikaji kerana ia melibatkan pemberhentian bacaan pada ayat walaupun ia berhenti tanpa mengambil nafas.

a) Tanda (^)

Tanda waqf lāzim. Tanda ini adalah singkatan dari perkataan (^) bermaksud “mesti” dalam bahasa Arab. Waqf pada tanda ini adalah dituntut atau mesti, contohnya:

فَلَا تَحْرُنَّكُ قَوْلُهُمْ إِنَّا نَعْلَمُ مَا يُسْرُوْتُ وَمَا يُعْلِمُونَ
٦١

Maksudnya: “Maka janganlah engkau (Muhammad) berduakacita disebabkan tuduhan-tuduhan mereka (terhadapmu). Sesungguhnya Kami sedia mengetahui apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka nyatakan”

(Surah Yāsin, ayat: 76)

b) Tanda (^)

Tanda (^) ini adalah sebahagian dari waqf jāiz. Ia adalah singkatan dari perkataan الوقف أولى dalam bahasa Arab yang bermaksud waqf (berhenti) lebih baik dari waṣl (sambung) pada tanda ini. Berhenti pada tempat ini dikira al-Waqf al-Tām. Memulakan dari ayat berikutnya juga harus, contoh waqf pada tanda ini:

وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ حَيْرَ يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ حَيْرَ الْزَادِ الْتَّقْوَىٰ

Maksudnya: “Dan apa juga kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah taqwā”

(Surah al-Baqara, ayat: 197)

c) Tanda (ؑ)

Tanda waqf jāiz. Tanda ini adalah singkatan dari perkataan جائز bermaksud “harus” waqf (berhenti) atau wasl (menyambung) pada tanda ini. Berhenti pada tempat ini dikira sebagai berhenti pada al-Waqf al-Kāfi. Memulakan dari ayat berikutnya juga harus, contoh waqf pada tanda ini:

فَاسْتِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا

Maksudnya: “Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya”

(Surah al-Māidah, ayat: 48)

Tanda waqf (ؑ) menunjukkan hubung kait epilog antara ayat atau klausa, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada ayat atau klausa ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

d) Tanda (صلی)

Tanda (صلی) ini adalah sebahagian dari waqf jāiz. Ia adalah singkatan dari perkataan أولى الوصل dalam bahasa Arab yang bermaksud waṣl (sambung) lebih baik dari waqf (berhenti) pada tanda ini. Berhenti pada tempat ini dikira sebagai al-Waqf al-Kāfi. Memulakan dari ayat berikutnya juga harus, contoh waqf pada tanda ini:

اللَّهُ الَّذِي رَفَعَ السَّمَوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْهُنَا ثُمَّ أَسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ

Maksudnya: “Allah jualah yang menjadikan langit terangkat tinggi dengan tiada bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya, kemudian ia bersemayam di atas Arasy”

(Surah al-Ra'd, ayat: 2)

Tanda waqf (﴿) menunjukkan hubungan kesinambungan epilog yang rapat antara ayat atau klausa dan lebih sesuai jika disambungkan bacaan pada tanda ini tanpa memberhentikan bacaan, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjelaskan makna.

e) **Tanda (.: .:)**

Tanda waqf ta'ānuq iaitu waqf berpasangan. Dilarang berhenti pada kedua-dua tanda ini. Boleh memilih untuk waqf pada salah satu tanda ini atau waṣl terus tanpa waqf, contoh waqf pada tanda ini:

...قَالُوا إِمَّا بِأَفْوَاهِهِمْ وَلَمْ تُؤْمِنْ قُلُوبُهُمْ وَمِنَ الَّذِينَ هَادُوا سَمَعُونَ لِكَذِبِ سَمَعُونَ
...لِقَوْمٍ أَخَرِينَ لَمْ يَأْتُوكَ

Maksudnya: “Mereka berkata dengan mulutnya bahawa kami beriman, padahal hatinya tidak beriman. Demikian juga dengan orang-orang Yahudi, mereka orang-orang yang sangat suka mendengar berita-berita dusta; mereka sangat suka mendengar perkataan golongan lain (pendita-pendita Yahudi) yang tidak pernah datang menemuimu...”

(Surah al-Māidat, ayat: 41)

f) **Tanda (^)**

Tanda dilarang waqf. Dikenali sebagai al-Waqf al-Qabīḥ (tidak harus berhenti dan memulakan dari ayat selepasnya) atau waqf ḥasan (harus berhenti tetapi tidak harus memulakan dari ayat selepasnya). Tanda ini perlu dipatuhi jika dijumpai dalam ayat. Jika seseorang itu berhenti pada tanda ini, ia perlu memulakan semula bacaannya dari ayat sebelumnya, contoh waqf pada tanda ini:

وَلَوْ تَرَى إِذْ يَتَوَفَّ الَّذِينَ كَفَرُوا أَلْمَلِئَكَةُ يَضْرِبُونَهُمْ وَجُوهُهُمْ وَأَدْبَرَهُمْ وَدُوقُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ

Maksudnya: “Dan (amatlah ngerinya) kalau engkau melihat (Wahai orang yang memandang), ketika malaikat mengambil nyawa orang-orang kafir dengan memukul muka dan belakang mereka (sambil berkata), rasalah kamu azab seksa neraka yang membakar”

(Surah al-Anfāl, ayat: 50)

Tanda waqf (ۖ) menunjukkan larangan bagi memberhentikan bacaan kerana ia akan mencacatkan epilog serta merosakkan maknadi antara ayat atau klausa.

g) **Saktat** (۷)

Tanda saktat (۷) dari segi bahasa bermaksud diam. Ia terletak di atas huruf yang akhir pada sebahagian perkataan. Dari segi istilah ilmu tajwid, saktat bermaksud menghentikan bacaan tanpa memutuskan nafas sekadar tidak lebih dari dua harakat kemudian meneruskan bacaan tersebut dengan nafas yang sama.

Terdapat lima (5) ayat di dalam mushaf rasm ‘uthmānī yang menggunakan tanda saktat iaitu dalam surah al-Kahfi (عِوْجَّا), Yāasin (مَرْقَدِنَا), al-Qiyāmat (مَنْ رَاق), al-

Muṭaffifīn (بَلْ رَانَ) dan al-Ḥaqqaṭ (مَالِيَّةٌ).

Cuma tanda saktat yang terletak di atas huruf ھ dalam ayat 28 surah al-Ḥaqqaṭ diharuskan membaca dengan dua (2) bentuk iaitu dengan mengizharkan dengan saktat atau diidghāmkan ھ dalam ھ pada awal ayat 29:

مَا أَغْنَى عَنِي مَالِيَّةٌ هَلَكَ عَنِي سُلْطَانِيَّةٌ

Tafsir Pimpinan al-Rahman menyebut bahawa tempat ini telah ditetapkan dengan dengan bacaan Iżhar serta saktat kerana merupakan bacaan yang lebih arjah.

Sesungguhnya bacaan saktat ini berlaku hanya pada keadaan menyambungkan bacaan sahaja. Jika seseorang memilih untuk waqf, maka tidak perlulah disaktañkan lagi.

3.6 KESIMPULAN WAQF BACAAN AL-QUR'ĀN

Berdasarkan kepada contoh serta maklumat yang diperolehi, penulis mendapati waqf bacaan al-Qur'ān ini amat penting untuk difahami dan dipelajari. Ini kerana setiap ayat yang digunakan kadang-kala boleh mendatangkan kekeliruan dalam memahami disebabkan ayat tersebut tidak sempurna.

Oleh yang demikian, dapatlah difahami sesungguhnya waqf bacaan al-Qurān boleh jadi haram sekiranya disengajakan dalam keadaan sedar serta mengetahui dan memahaminya maksudnya, seperti waqf pada ayat:

إِنِّي كَفُرْتُ

Maksudnya: “Sesungguhnya aku telah kufur”

(Surah Ibrāhīm, ayat: 22)

Dan waqf pada ayat:

وَمَا مِنْ إِلَهٍ

Maksudnya: “Dan tiadalah Tuhan (yang berhak disembah)”

(Surah Ali Imrān, ayat: 62)

Dato' Mohamad Nor Mansor al-Hafiz (2012) menyatakan bahawa tanda bilangan ayat al-Qur'an, tertakluk kepada hukum waqf bacaan kerana terdapat sebilangan ayat yang mempunyai hubung kait dengan ayat selepasnya. Beliau menyatakan sebahagian ulama' menyebut bahawa waqf pada bilangan ayat adalah sunnah, tetapi al-Khusārī menyatakan tidak menjumpai hadith tersebut.

Kesimpulan mewaqafkan bacaan al-Qur'an pada tempat yang boleh merosakkan makna adalah haram jikalau memahami pengertian maksud dan makna ayat tersebut, tetapi jikalau tidak memahami atau mengetahui adalah tidak menjadi masalah. (Rauḍat Jamāl al-Hasrī, 2005: 150-151) Namun begitu, seseorang itu perlu mempelajari tempat-tempat waqf supaya mengetahuinya dengan lebih tepat dan betul.

3.7 IBTIDĀ' AL-QUR'ĀN

Kebiasaan apabila menceritakan berkaitan waqf bacaan al-Qur'an, ia tidak dapat lari dari menyebut ibtidā' bacaan al-Qur'an. Ibtidā' adalah perkataan berlawanan dengan waqf, kerana itulah ibtidā' mempunyai perkaitan yang sangat rapat. Penulis ingin menjelaskan secara ringkas berkaitan ibtidā' bacaan al-Qur'an.

a) Definisi Ibtidā' al-Qur'an

Perkataan ibtidā' ابتداء pula merupakan kata terbitan bagi fi'el mađi mazīd iaitu ابتدأ atas wazan افععل , mujarradnya adalah بـ . Merujuk beberapa kamus Arab, maksud ibtidā' dari segi bahasa ialah mula atau awal.

Dalam Lisān al-Arab بـ bermaksud perkara pertama yang harus dilakukan. (Ibn Manzūr. 1995: 1/332) Dalam al-Mawrid, Arabic-English Dictionary (2000: 19) dan

Glosari al-Quran (1992: 3) menyebutkan perkataan ابْتِدَاءُ starting, beginning, from, as of, effective from iaitu bermula, mulai: dari, pada, berkesan daripada sesuatu.

Ibtidā' dari segi istilah ilmu tajwid memberi makna memulakan bacaan atau menyambung semula bacaan sesudah menghentikan untuk mengambil nafas seketika. (Muhammad Sharif Hassim, 2004: 80)

Sementara itu, ibtidā' juga bererti memulakan bacaan pada awal surah atau awal ayat. Dinamakan ibtidā' juga kerana memulakan bacaan selepas waqf, sama ada di akhir ayat atau di pertengahan ayat. (Mahadi Dahlan, 2001: 91)

Ibtidā' terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu:

Jadual 3.4: Pembahagian Ibtidā' Bacaan al-Qur'ān

1	Ibtidā' Hasan (ابتداء الحسن)	Permulaan yang baik
2	Ibtidā' Qabīh (ابتداء القبيح)	Permulaan yang buruk

1. Ibtidā' Hasan

Ibtidā' Hasan bermaksud memulakan bacaan pada setiap awal ayat atau di pertengahan ayat yang sebelum memulakan bacaan yang mana terdapat tanda waqf seperti dalam:

... قَالُوا أَنُؤْمِنُ كَمَا آمَنَ الْسَّفَهَاءُ لَا إِنْهُمْ هُمُ الْسَّفَهَاءُ ...

Maksudnya: "... Mereka berkata: Patutkah Kami ini beriman sebagaimana berimannya orang-orang bodoh itu? Ketahuilah sesungguhnya mereka lah orang-orang yang bodoh ..." "

(Surah al-Baqarah, ayat: 13)

Iaitu memberhentikan pada perkataan السُّفَهَاءَ^٤ kemudian memulakan semula dengan لَا إِنَّمَّا sehingga akhir ayat.

2. Ibtidā' Qabīh

Ibtidā' Qabīh bermaksud memulakan bacaan pada perkataan-perkataan yang boleh merosakkan makna ayat serta meragukan ayat maksud ayat tersebut. Antara contoh Ibtidā' Qabīh:

a) Contoh 1:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ عُزَيْرٌ ابْنُ اللَّهِ وَقَالَتِ النَّصَارَى الْمَسِيحُ ابْنُ اللَّهِ ذَلِكَ قَوْلُهُمْ بِأَفْوَاهِهِمْ

Maksudnya: “Dan orang-orang Yahudi berkata, Uzair ialah anak Allah SWT dan orang-orang Nasrani berkata al-Masīh ialah anak Allah SWT. Demikianlah perkataan mereka dengan mulut mereka sendiri”

(Surah al-Tawba, ayat: 30)

Dalam contoh ayat di atas, jika ayat tersebut dimulakan bacaan dari perkataan عَزَيْرٌ , maka dapat melihat dari sudut makna ayat tersebut yang memberi maksud: “Uzair ialah anak Allah SWT...”. Begitu juga jikalau ayat tersebut dimulakan dari perkataan المَسِيحُ , maka dapat dilihat ia memberi makna “Al-Masīh ialah anak Allah SWT...”

b) Contoh 2:

لَقَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الظَّنِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ سَنَكُتبُ مَا قَالُوا وَقَاتَلُهُمُ الْأَنْبِيَاءُ بِغَيْرِ حَقٍّ وَنَقُولُ دُوقُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ ﴿١٦﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah SWT telah mendengar perkataan orang-orang (Yahudi) yang mengatakan sesungguhnya Allah SWT

miskin dan Kami ialah orang-orang kaya. Kami akan menuliskan perkataan mereka itu dan perbuatan mereka membunuh nabi-nabi dengan tidak ada alasan yang membenarkannya dan Kami akan katakan kepada mereka rasalah kamu azab seksa yang sentiasa membakar”

(Surah Ali Imrān, ayat: 181)

Dalam contoh ayat di atas, jika ayat tersebut dimulakan bacaan dari perkataan ﴿ وَ إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ﴾ dan kemudian diwaqfkan pada perkataan ﴿ إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ﴾ , maka dapat dilihat dari sudut maksud ayat tersebut yang memberi pengertian: “Sesungguhnya Allah SWT miskin”.

b) Kesimpulan Ibtida’ al-Qur’ān

Hukum memulakan bacaan pada tempat-tempat yang boleh merosakkan maksud adalah haram kerana boleh memesongkan makna sebenar yang dikehendaki dan mungkin boleh menyebabkan rosaknya aqidah Islam khususnya mereka yang tidak memahami ajaran Islam yang sebenarnya. (Mahadi Dahlan, 2001: 93)

Dato’ Mohamad Nor Mansor al-Hafiz (2012) menyatakan bahawa memahami ibtida’ bacaan al- Qur’ān adalah sama wajib seperti memahami waqf bacaan al-Qur’ān kerana ia juga boleh menyebabkan salah tafsiran dan maksud ayat yang dikehendaki contoh seperti ibtida’ pada kata sendi seperti ﴿ فِي إِلَيْ ۚ﴾ dan lain-lain. Menurut beliau lagi, ibtida’ juga tidak memerlukan tanda bacaan kerana ramai dalam kalangan ahli Qur’ān mengatakan tiada keperluan meletakkan tanda ibtida’ bacaan al-Qur’ān kerana sukarnya menentukan tempat dan memadai dengan tanda waqf bacaan al-Qur’ān.

3.8 KESIMPULAN

Dalam bab ini, penulis merasakan kepentingan memahami tanda waqf bacaan al-Qur'ān. Ini kerana setiap bacaan al-Qur'ān perlu difahami secara tepat dan jelas. Waqf bacaan al-Qur'ān memberi maksud yang sempurna dan tepat dalam ayat. Jika ayat-ayat di dalam al-Qur'ān tidak difahami dengan betul, ia boleh menimbulkan keraguan dan salah faham.

Penulis juga telah mengkaji bahawa terdapat 6 tanda waqf dan 1 tanda saktah dalam rasm ‘uthmānī dan paling utama tanda-tanda waqf ini bertujuan menjaga maksud-maksud ayat al-Qur'ān.

Dalam bab ini, penulis juga mendapati bahawa ibtidā' atau memulakan bacaan al-Qur'ān mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan waqf bacaan al-Qur'ān, walaupun ibtidā' tidak mempunyai sebarang tanda. Oleh yang demikian, seseorang yang membaca al-Qur'ān perlu mengetahui waqf dan ibtidā' yang sesuai dalam bacaan bagi memelihara ketulenan bacaan al-Qur'ān.

BAB EMPAT

ANALISIS WAQF DAN TANDANYA DALAM SURAH AL-KAHFI

4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, penulis akan membicarakan tentang surah al-Kahfi secara ringkas serta menganalisis waqf bacaan al-Qur'ān. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan mushaf al-Qur'ān rasm 'uthmānī. Walaupun terdapat kaitan yang sangat rapat antara waqf dan ibtidā', penulis merasakan hanya waqf di dalam bacaan yang perlu diutamakan kerana ibtidā' tidak mempunyai tanda bacaannya.

Proses analisis yang dilakukan hanya tertumpu kepada sebilangan ayat yang mempunyai tanda-tanda waqf sahaja di dalam surah al-Kahfi dengan melihat kepada makna yang terdapat di dalamnya. Dalam kajian awal, penulis mendapati terdapat 4 tanda waqf yang digunakan dalam kajian ini.

4.2 PENGENALAN SURAH AL-KAHFI

Kajian dilakukan adalah surah al-Kahfi yang merupakan surah kelapan belas (18) mengikut susunan di dalam al-Qur'ān dan mengandungi 110 ayat. Surah ini tergolong dalam surah-surah Makkīyyaṭ iaitu surah yang diturunkan di Mekah sebelum hijrahnya Nabi Muhammad SAW ke Madinah. Ia merupakan salah satu di antara surah yang dimulakan dengan (الحمد لله) selain surah al-Fātiḥat, al-An'ām, Sabā' dan Fātir.

Al-Kahfi bermaksud gua kerana terdapat ayat di dalam surah ini yang menceritakan mengenai kisah aṣḥāb al-Kahfi yang membawa maksud penghuni-penghuni gua. Kisah ini menunjukkan ketegasan beberapa pemuda dalam menegakkan dasar tawḥīd kepada

Allah SWT. Pemuda-pemuda tersebut terpaksa berhadapan dengan seorang raja yang zalim yang mengatakan Allah SWT mempunyai anak sehingga mereka terpaksa melarikan diri serta bersembunyi di dalam gua dan akhirnya mereka ditidurkan selama 309 tahun.

Antara isi kandungan di dalam surah al-Kahfi ini ialah Allah SWT mendatangkan perbandingan kehidupan di antara orang kafir dan orang yang beriman di dunia. Sesungguhnya perbuatan baik yang dilakukan lebih baik di sisi Allah SWT dan kebahagiaan di akhiratlah yang diharapkan.

Seterusnya terdapat beberapa kisah yang dicoretkan di dalam al-Qur'an, antaranya kisah Nabi Musa dengan seorang hamba (menurut mufassir, hamba tersebut ialah Nabi Khidir) bagi membuktikan bahawa Allah SWT berkuasa mengurniakan ilmu pengetahuan kepada sesiapa yang dikehendaki dan kisah seorang raja yang soleh, bernama Zulqarnain yang mana dianugerahkan kepadanya kebijaksanaan bagi menghadapi Ya'jūj dan Ma'jūj yang kejam. (Tafsir Pimpinan al-Rahman, 2010: 581)

Terdapat beberapa hadith yang menceritakan kelebihan surah al-Kahfi. Antaranya yang akan memperolehi cahaya di hari Qiyāmat nanti dan kemudian akan terselamat daripada Dajjāl. Ini berdasarkan ḥadīth yang diriwayatkan oleh Abī Sa'īd al-Khudrī yang mana beliau mendengar Nabi Muhammad SAW bersabda maksudnya:

"Sesiapa yang membaca surah al-Kahfi sepermula diturunkan, akan memperolehi cahaya di hari Qiyāmat nanti bermula dari tempatnya sehingga di Mekah. Dan sesiapa yang membaca 10 ayat yang terakhir dan kemudian Dajjāl keluar, akan terselamat daripadanya..."

(Ibrāhīm Ali, 2001: 259)

Terdapat juga hadith yang menyebut bahawa sesiapa yang membaca surah al-Kahfi pada hari jumaat, akan diteranginya cahaya antara 2 Jumaat. (Ibrāhīm Ali, 2001: 271)

4.3 ANALISIS TANDA WAQF DALAM SURAH AL-KAHFI

Penulis mendapatkan terdapat banyak ayat di dalam surah ini yang mempunyai tanda waqf bacaan al-Qur'ān. Berikut merupakan ayat-ayat yang mana mengandungi tanda waqf tersebut untuk dianalisis, analisis yang dilakukan hanya menggunakan makna tafsiran ayat sahaja.

PERTAMA: AYAT 1 DAN 2

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلٰى عَبْدِهِ الْكِتَبَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ رِعَايَةً ﴿١﴾ قَيْمًا لِّيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّنْ لَدُنْهُ

Maksudnya: “Segala puji bagi Allah yang telah menurunkan kepada hambaNya (Muhammad) Kitab (al-Qur'ān) dan tidak menjadikan padanya sesuatu yang bengkok (terpesong); bahkan sebagai bimbingan yang lurus, untuk memperingatkan tentang siksaan yang sangat pedih...”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur'ān dengan menggunakan tanda (ۚ) kecil iaitu saktaṭ pada hujung ayat yang pertama di dalam surah al-Kahfi iaitu pada perkataan عَوْجَأٌ. Kaedah bacaan perkataan عَوْجَأٌ ialah dengan memberhentikan bacaan seketika sekadar dua harakat tanpa mengambil nafas pada tanda (ۚ) ini jika disambung. Tetapi jika diwaqfkan, maka tidak perlu di saktaṭkan.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.1: Ayat 1-2

Klausa 1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَىٰ عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوْجَانَ
Klausa 2	قِيمًا لِّيُنذرَ بَأْسًا شَدِيدًا...

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KN. Klausa 1 menyatakan bahawa ‘pujian bagi Allah yang telah menurunkan kepada hamba-Nya (Muhammad) Kitab (al-Qur’ān) dan Dia tidak menjadikannya bengkok’ dan klausa 2 pula menerangkan ‘bahkan (al-Qur’ān) sebagai bimbingan yang lurus untuk memperingatkan mengenai siksaan yang sangat pedih’. Jika dilihat, tanda saktat diletakkan bagi menunjukkan perbezaan keadaan pada ayat ketika disambung dan bertujuan menghilangkan perkara yang boleh mendatangkan kekeliruan. Tanda saktat di atas mempunyai hubungan makna berlawanan iaitu antara (عوجا) yang bermakna bengkok dan (قيما) yang bermakna lurus. Jika diteliti, pada hujung klausa 1 dan permulaan klausa 2 perlu diberhentikan, jika disambung ia akan memberi kekeliruan kepada makna.

KEDUA: AYAT 5

مَا هُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ وَلَا لِأَبَاهِمْ كَبُرُتْ كَلِمَةٌ تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ إِلَّا كَذِبًا ﴿١﴾

Maksudnya: “(sebenarnya) mereka tiada mempunyai sebarang pengetahuan mengenainya, dan tiada juga bagi datuk nenek mereka; Alangkah jeleknya kata-kata yang keluar dari mulut mereka; mereka hanya mengatakan perkara yang dusta”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur'an dengan menggunakan tanda (﴿) kecil iaitu "waqf jāiz" pada perkataan لَأَبْنَاهُمْ وَأَفْوَاهُهُمْ. Kaedah bacaan pada perkataan لَأَبْنَاهُمْ وَأَفْوَاهُهُمْ ialah harus memberhentikan bacaan atau disambung terus bacaan pada tanda (﴿) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai tiga (3) klausa iaitu:

Jadual 4.2: Ayat 5

Klausa 1	مَا هُم بِهِ مِنْ عِلْمٍ وَلَا لِأَبْنَاهُمْ
Klausa 2	كُبُرُّ كَلِمَةٌ تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ
Klausa 3	إِنْ يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا

Klausa 1 merupakan klausa KN sementara klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘mereka disediakan syurga yang kekal, yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka dihiaskan dengan gelang-gelang emas dan memakai pakaian hijau dari sutera yang nipis dan sutera tebal yang bersulam, mereka berehat di dalamnya dengan berbaring di atas pelamin-pelamin (yang berhias)’ dan klausa 2 menerangkan bahawa ‘demikian itulah balasan yang sebaik-baiknya dan demikian itulah syurga tempat berehat yang semolek-moleknya’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubung-kait epilog antara kedua-dua klausa, jika diberhentikan atau

disambungkan bacaan pada kedua-dua klausa ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

KETUJUH BELAS: AYAT 33

كُلْتَا الْجَنَّتَيْنِ إِاتَّ أَكُلَّهَا وَلَمْ تَظْلِمْ مِنْهُ شَيْئًا وَفَجَرَنَا خِلَالَهُمَا نَهَرًا

Maksudnya: “Kedua-dua kebun itu mengeluarkan hasilnya, dan tiada mengurangi sedikitpun dari hasilnya dan Kami juga mengalirkan di antara keduanya sebatang sungai”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (﴿) kecil iaitu “waqf jāiz” pada perkataan شَيْئًا. Kaedah bacaan pada perkataan شَيْئًا ialah harus memberhentikan bacaan atau disambung terus bacaan pada tanda (﴿) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.17: Ayat 33

Klausa 1	كُلْتَا الْجَنَّتَيْنِ إِاتَّ أَكُلَّهَا وَلَمْ تَظْلِمْ مِنْهُ شَيْئًا
Klausa 2	وَفَجَرَنَا خِلَالَهُمَا نَهَرًا

Klausa 1 merupakan klausa KN sementara klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘kedua-dua kebun itu mengeluarkan hasilnya dan tiada mengurangi sedikitpun dari hasilnya’ dan klausa 2 menerangkan bahawa ‘Kami (Allah) juga mengalirkan di antara keduanya sebatang sungai’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di

sini menunjukkan hubung-kait epilog antara kedua-dua klausa, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada kedua-dua klausa ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

KELAPAN BELAS: AYAT 39

 وَلَوْلَا إِذْ دَخَلْتَ جَنَّتَكَ قُلْتَ مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ إِنْ تَرَنِ أَنَّا أَقْلَمْ مِنْكَ مَالًا وَوَلَدًا

Maksudnya: “Dan sepatutnya semasa engkau masuk ke kebunmu, berkata: (semuanya ialah barang yang dikehendaki Allah)! Tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah! Kalau Engkau memandangku sangat kurang tentang harta dan anak, berbanding denganmu”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (﴿) kecil iaitu “waqf jāiz” pada perkataan ﴿ اللَّهُ . Kaedah bacaan pada perkataan ﴿ اللَّهُ ialah harus memberhentikan bacaan atau disambung terus bacaan pada tanda (﴿) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.18: Ayat 39

Klausa 1	وَلَوْلَا إِذْ دَخَلْتَ جَنَّتَكَ قُلْتَ مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ
Klausa 2	إِنْ تَرَنِ أَنَّا أَقْلَمْ مِنْكَ مَالًا وَوَلَدًا

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘sepatutnya semasa engkau masuk ke kebunmu, katalah! ((tiada daya dan upaya melainkan dengan

pertolongan Allah))’ dan klausa 2 menerangkan bahawa ‘kalau engkau memandangku sangat kurang tentang harta dan anak (berbanding denganmu)’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubung-kait epilog antara kedua-dua klausa, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada kedua-dua klausa ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

KESEMBILAN BELAS: AYAT 44

هُنَالِكَ الْوَلِيَّةُ لِلَّهِ الْحَقُّ هُوَ خَيْرٌ شَوَابًا وَخَيْرٌ عُقبًا

Maksudnya: “*Pada saat yang sedemikian itu kekuasaan memberi pertolongan hanya bagi Allah, Tuhan yang sebenar-benarnya; Dia-lah (Allah) sebaik-baik pemberi pahala, dan sebaik-baik pemberi pembalasan (kepada hamba-hambaNya yang taat)*”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (﴿) kecil iaitu “waqf jāiz” pada perkataan الحَقُّ. Kaedah bacaan pada perkataan الحَقُّ ialah harus memberhentikan bacaan atau disambung terus bacaan pada tanda (﴿) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.19: Ayat 44

Klausa 1	هُنَالِكَ الْوَلِيَّةُ لِلَّهِ الْحَقُّ
Klausa 2	هُوَ خَيْرٌ شَوَابًا وَخَيْرٌ عُقبًا

Klausa 3 merupakan klausa KN sementara klausa 4 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘pada saat yang sedemikian itu kekuasaan memberi pertolongan hanya bagi Allah, Tuhan yang sebenar-benarnya’ dan klausa 2 menerangkan bahawa ‘Dia-lah (Allah) sebaik-baik pemberi pahala, dan sebaik-baik pemberi pembalasan’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubung-kait epilog antara kedua-dua klausa, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada kedua-dua klausa ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

KEDUA PULUH: AYAT 45

وَأَضْرِبْ لَهُم مَّثَلَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَا إِنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَأَخْتَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ
هَشِيمًا تَذْرُوهُ الرِّيحُ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا ﴿٤٥﴾

Maksudnya: “Dan kemukakanlah kepada mereka misal perbandingan, kehidupan dunia ini samalah seperti air yang Kami turunkan dari langit, lalu bercampur aduklah tanaman di bumi antara satu sama lain (dan kembang suburlah ia) disebabkan air itu; kemudian menjadilah ia hancur kering ditiup angin; dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda ﴿ ﴾ kecil iaitu “al-waqf awlā” pada perkataan الريح ﴿ ﴾. Kaedah bacaan pada perkataan الريح ﴿ ﴾ ialah memberhentikan bacaan lebih baik dari menyambung bacaan pada tanda ﴿ ﴾ ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.20: Ayat 45

Klausa 1	وَأَضْرِبْ لَهُم مَثَلَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَا إِنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَأَخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتٌ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذَرُوهُ الْرِيحُ
Klausa 2	وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُقْتَدِرًا

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyebut ‘datangkanlah kepada mereka contoh perbandingan, kehidupan dunia ini samalah seperti air yang Kami (Allah) turunkan dari langit, lalu bercampur dengan tanaman di bumi antara satu sama lain (dan kembang suburlah ia) disebabkan air itu, kemudian menjadilah ia hancur kering ditiup angin’ dan klausa 2 pula menyebut ‘sesungguhnya (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan, tetapi hubungannya agak jauh dari segi kaitan, namun begitu ia tidak mencacatkan makna. Oleh sebab demikian, tanda waqf (ؑ) di sini menunjukkan hubungan epilog antara kedua-dua klausa yang kurang rapat dan lebih sesuai jika diberhentikan kerana makna akan lebih jelas dan mudah difahami, namun jika disambung ia tidak merosakkan makna.

KEDUA PULUH SATU: AYAT 46

الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَقِيَّتُ الصَّالِحَتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا

Maksudnya: “Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia, dan amal-amal soleh itu lebih baik di sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur'an dengan menggunakan tanda kecil iaitu "al-waṣl awlā" pada perkataan الْدُّنْيَا صَلِيٰ. Kaedah bacaan pada perkataan الْدُّنْيَا صَلِيٰ ialah menyambung bacaan lebih baik dari memberhentikan bacaan pada tanda ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.21: Ayat 46

Klausa 1	الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا
Klausa 2	وَالْبَقِيَّتُ الصَّلِحَاتُ حَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَحَيْرٌ أَمَلًا

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KN. Klausa 1 menyatakan 'harta benda dan anak-anak adalah perhiasan hidup di dunia' dan klausa 2 menjelaskan 'amalan-amalan soleh itu lebih baik di sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan'. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat disebabkan penerangan serta penjelasan pada klausa 2. Oleh yang demikian, tanda waqf (صلی) di sini menunjukkan hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat antara kedua-dua klausa dan lebih baik jika disambungkan bacaan pada tanda ini tanpa memberhentikan bacaan, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjelaskan makna.

KEDUA PULUH DUA: AYAT 48

وَعُرِضُوا عَلَى رَبِّكَ صَفَّا لَقَدْ جِئْتُمُونَا كَمَا خَلَقْنَاهُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ بَلْ زَعَمْتُمْ أَنَّنِي نَجَعَلَ لَكُمْ مَوْعِدًا

Maksudnya: “Dan mereka tetap akan dibawa mengadap Tuhanmu dengan berbaris teratur, (sambil dikatakan kepada mereka): kamu sekarang telah datang kepada Kami sebagaimana Kami telah jadikan kamu pada mulanya, bahkan kamu dahulu menyangka, bahawa Kami tidak akan menjadikan bagi kamu masa yang tertentu (untuk melaksanakan) apa yang Kami telah janjikan”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (﴿) kecil iaitu “waqf jāiz” pada perkataan مرّة. Kaedah bacaan pada perkataan مرّة ialah harus memberhentikan bacaan atau disambung terus bacaan pada tanda (﴿) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.22: Ayat 48

Klausa 1	وَعُرِضُوا عَلَى رَبِّكَ صَفَّا لَقَدْ جِئْتُمُونَا كَمَا خَلَقْنَاهُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ
Klausa 2	بَلْ زَعَمْتُمْ أَنَّنِي نَجَعَلَ لَكُمْ مَوْعِدًا

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘mereka tetap akan dibawa mengadap Tuhanmu dengan berbaris teratur (sambil berkata): ((sesungguhnya kamu sekarang telah datang kepada Kami (Allah) sebagaimana Kami (Allah) telah jadikan kamu pada mulanya))’ dan klausa 2 menerangkan ‘bahkan kamu dahulu menyangka bahawa Kami (Allah) tidak akan menjadikan kamu masa yang tertentu (untuk melaksanakan) apa yang Kami (Allah) telah janjikan’. Jika diteliti kedua-dua

klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubung-kait epilog antara kedua-dua klausa, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada kedua-dua klausa ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

KEDUA PULUH TIGA: AYAT 49

وَوُضِعَ الْكِتَبُ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يَوْمَئِنَا مَا لِهِنَّا الْكِتَبُ لَا يُغَادِرُ

صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَنَهَا وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا حَاضِرًا وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا

Maksudnya: “Dan dibentangkan akan kitab amalan, maka engkau akan melihat orang-orang yang berdosa itu, merasa takut akan apa yang tersurat di dalamnya, dan mereka akan berkata: Celakanya kami, mengapa kitab ini demikian keadaannya? ia tidak meninggalkan yang kecil atau yang besar, melainkan semua dihitungnya dan mereka dapati segala yang mereka kerjakan itu ada (tertulis di dalamnya), dan (ingatlah) Tuhanmu tidak menzalimi seseorangpun”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (﴿) kecil iaitu “waqf jāiz” dan tanda (ﴽ) kecil iaitu “al-waqf awlā” pada perkataan حاضرًا أَحْصَهَا dan tanda (ﴽ) kecil pada perkataan حاضرًا أَحْصَهَا. Kaedah bacaan pada perkataan حاضرًا أَحْصَهَا ialah harus memberhentikan bacaan atau disambung terus bacaan pada tanda (﴿) ini, sementara kaedah bacaan pada perkataan حاضرًا ialah memberhentikan bacaan lebih baik dari menyambung bacaan pada tanda (ﴽ) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai tiga (3) klausa iaitu:

Jadual 4.23: Ayat 49

Klausa 1	وَوُضِعَ الْكِتَبُ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيُقُولُونَ يَوْيَلَتَنَا مَالِ هَذَا الْكِتَبِ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَنَهَا
Klausa 2	وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا حَاضِرًا
Klausa 3	وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘akan dibentangkan kitab amalan, maka engkau akan melihat orang-orang yang berdosa itu merasa takut apa yang tersurat di dalamnya dan mereka akan berkata: ((celaknya kami, mengapa kitab ini demikian keadaannya?)) ia tidak meninggalkan yang kecil atau yang besar melainkan semua dihitungnya’ dan klausa 2 menerangkan bahawa ‘mereka dapati segala yang mereka kerjakan itu ada (tertulis di dalamnya)’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubung-kait epilog antara kedua-dua klausa, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada kedua-dua klausa ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

Klausa 2 dan klausa 3 merupakan klausa KK. Klausa 2 menyebut ‘mereka dapati segala yang mereka kerjakan itu ada (tertulis di dalamnya)’ klausa 3 pula menyebut ‘(ingatlah) Tuhanmu tidak menzalimi seseorangpun’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan, tetapi hubungannya agak jauh dari segi kaitan, namun begitu ia tidak mencacatkan makna. Oleh sebab demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubungan epilog antara kedua-dua klausa yang kurang rapat dan lebih sesuai jika diberhentikan kerana makna akan lebih jelas dan mudah difahami, namun jika disambung ia tidak merosakkan makna.

KEDUA PULUH EMPAT: AYAT 50

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ أَسْجُدُوا لِأَدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ الْجِنِّ فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ

﴿ أَفَتَتَخِذُونَهُ وَدُرْيَتَهُ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ وَهُمْ لَكُمْ عَدُوٌّ بِئْسَ لِلظَّالِمِينَ بَدَلًا ﴾

Maksudnya: “Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam, lalu mereka sujud melainkan Iblis, adalah ia berasal dari golongan jin, lalu ia menderhaka terhadap perintah Tuhanmu. Patutkah kamu menjadikan Iblis dan keturunannya sebagai pemimpin selain daripadaku. Sedang mereka itu ialah musuh kamu. amatlah buruknya bagi orang-orang yang zalim, pengganti yang mereka pilih itu”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (﴿) kecil iaitu “al-waqf awlā” dan tanda (۽) kecil iaitu “waqf jaiz” pada perkataan رَبِّهِ ﴿ dan tanda (۽) kecil pada perkataan عَدُوٰ ۽ . Kaedah bacaan pada perkataan ialah memberhentikan bacaan lebih baik dari menyambung bacaan pada tanda (﴿) ini, sementara kaedah bacaan pada perkataan عَدُوٰ ۽ ialah harus memberhentikan bacaan atau disambung terus bacaan pada tanda (۽) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai tiga (3) klausa iaitu:

Jadual 4.24: Ayat 50

Klausa 1	وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ أَسْجُدُوا لِأَدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ الْجِنِّ فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ
Klausa 2	أَفَتَتَخِذُونَهُ وَدُرْيَتَهُ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ وَهُمْ لَكُمْ عَدُوٌّ

Klausa 3	بِئْسَ لِلظَّالِمِينَ بَدَلَ
----------	-------------------------------------

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyebut ‘(ingatlah peristiwa) ketika Kami (Allah) berfirman kepada malaikat: ((sujudlah kamu kepada Adam, lalu mereka sujud melainkan Iblis)) adalah ia berasal dari golongan jin, lalu ia menderhaka terhadap perintah Tuhan-Nya’ dan klausa 2 pula menyebut ‘patutkah kamu menjadikan Iblis dan keturunannya sebagai pemimpin selain daripada-Ku sedangkan mereka itu ialah musuh kamu’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan, tetapi hubungannya agak jauh dari segi kaitan, namun begitu ia tidak mencacatkan makna. Oleh sebab demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubungan epilog antara kedua-dua klausa yang kurang rapat dan lebih sesuai jika diberhentikan kerana makna akan lebih jelas dan mudah difahami, namun jika disambung ia tidak merosakkan makna.

Klausa 2 dan 3 merupakan klausa KK. Klausa 2 menyatakan ‘patutkah kamu menjadikan Iblis dan keturunannya sebagai pemimpin selain daripada-Ku sedangkan mereka itu ialah musuh kamu’ dan klausa 3 menerangkan bahawa ‘amatlah buruknya bagi orang-orang yang zalim pengganti yang mereka pilih’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubung-kait epilog antara kedua-dua klausa, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada kedua-dua klausa ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

KEDUA PULUH LIMA: AYAT 54

وَلَقَدْ صَرَفْنَا فِي هَذَا الْقُرْءَانِ لِلنَّاسِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ وَكَانَ الْإِنْسَنُ أَكْثَرَ شَيْءٍ جَدَلًا

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Kami telah huraikan di dalam al-Qur’ān ini untuk umat manusia dari segala jenis contoh bandingan, dan sememangnya manusia itu sejenis makhluk yang banyak sekali bantahannya”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (﴿) kecil iaitu “waqf jāiz” pada perkataan مثَلٍ. Kaedah bacaan pada perkataan مثَلٍ ialah harus memberhentikan bacaan atau disambung terus bacaan pada tanda (﴿) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.25: Ayat 54

Klausa 1	وَلَقَدْ صَرَفْنَا فِي هَذَا الْقُرْءَانِ لِلنَّاسِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ
Klausa 2	وَكَانَ الْإِنْسَنُ أَكْثَرَ شَيْءٍ جَدَلًا

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘sesungguhnya Kami (Allah) telah menghuraikan dalam al-Qur’ān untuk umat manusia dari segala jenis contoh perbandingan’ dan klausa 2 menerangkan bahawa ‘sememangnya manusia itu sejenis makhluk yang banyak sekali membantah’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubung-kait epilog antara kedua-dua klausa, jika diberhentikan atau

disambungkan bacaan pada kedua-dua klausa ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

KEDUA PULUH ENAM: AYAT 56

وَمَا نُرْسِلُ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَجَنِيدُ الْأَذْيَنَ كَفَرُوا بِالْبَطْلِ لِيُدْحِضُوا بِهِ الْحَقَّ
وَأَخْذُوا إِيمَانَهُمْ وَمَا أَنْذَرُوا هُرُونَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: “Dan Kami tidak mengutus rasul-rasul, melainkan sebagai pemberi berita gembira dan pemberi amaran, dan orang-orang kafir membantah untuk menafikan kebenaran; dan mereka jadikan ayat-ayatku, dan amaran yang diberikan kepada mereka sebagai ejek-ejekan”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (﴿) kecil iaitu “waqf jāiz” dan tanda (﴿ صَلِي) kecil iaitu “al-waṣl awlā” pada perkataan ﴿ مَنْذِرِينَ ﴾ dan tanda (﴿ صَلِي) kecil pada perkataan ﴿ الْحَقَّ ﴾. Kaedah bacaan pada perkataan ﴿ مَنْذِرِينَ ﴾ ialah harus memberhentikan bacaan atau disambung terus bacaan pada tanda (﴿) ini, sementara kaedah bacaan pada perkataan ﴿ الْحَقَّ ﴾ ialah menyambung bacaan lebih baik dari memberhentikan bacaan pada tanda (﴿) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai tiga (3) klausa iaitu:

Jadual 4.26: Ayat 56

Klausa 1	وَمَا نُرْسِلُ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ
Klausa 2	وَجَنِيدُ الْأَذْيَنَ كَفَرُوا بِالْبَطْلِ لِيُدْحِضُوا بِهِ الْحَقَّ

Klausa 3	وَأَخْذُوا إِيمَانَنَا وَمَا أَنْذَرُوا هُزُوا
----------	--

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘Kami (Allah) tidak mengutus rasul-rasul melainkan sebagai pembawa berita gembira dan pemberi amaran’ dan klausa 2 menerangkan bahawa ‘orang-orang kafir membantah untuk menafikan kebenaran’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubung-kait epilog antara kedua-dua klausa, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada kedua-dua klausa ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

Klausa 2 dan klausa 3 merupakan klausa KK. Klausa 2 menyatakan ‘orang-orang kafir membantah untuk menafikan kebenaran’ dan klausa 3 menjelaskan ‘mereka jadikan ayat-ayatku dan amaran yang diberikan sebagai ejek-ejekan’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat disebabkan penerangan serta penjelasan pada klausa 3. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat antara kedua-dua klausa dan lebih baik jika disambungkan bacaan pada tanda ini tanpa memberhentikan bacaan, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjaskan makna.

KEDUA PULUH TUJUH: AYAT 57

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ذُكِرَ بِإِيمَانِهِ فَأَعْرَضَ عَنْهَا وَنَسِيَ مَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ إِنَّا جَعَلْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً

أَنْ يَفْقَهُوهُ وَفِي إِذَا نِهَمْ وَقَرَأَ وَإِنْ تَدْعُهُمْ إِلَىٰ أَنْهَدَىٰ فَلَنْ يَهْتَدُوا إِذَا أَبَدَا

Maksudnya: “Dan tidaklah ada yang lebih zalim daripada orang yang diberi ingat dengan ayat-ayat Tuhan, lalu ia berpaling daripadanya dan lupa akan apa yang telah dilakukan oleh kedua tangannya, Kami tutup serapat-rapatnya hati mereka, menghalang mereka daripada memahaminya, dan (Kami jadikan) telinga mereka

pekkak dan jika engkau menyeru mereka kepada petunjuk, maka mereka sekali-kali tidak akan beroleh hidayah petunjuk selama-lamanya”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (﴿) kecil iaitu “waqf jāiz” dan tanda (﴿ ﴾) kecil iaitu "al-waṣl awlā" pada perkataan بِدَاهٖ وَقْرَا صَلَوةً dan tanda (﴿ ﴾) kecil pada perkataan صَلَوةً وَقْرَا صَلَوةً. Kaedah bacaan pada perkataan ialah harus memberhentikan bacaan atau disambung terus bacaan pada tanda (﴿) ini, sementara kaedah bacaan pada perkataan وَقْرَا صَلَوةً ialah menyambung bacaan lebih baik dari memberhentikan bacaan pada tanda (﴿) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai tiga (3) klausa iaitu:

Jadual 4.27: Ayat 57

Klausa 1	وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ذُكِرَ بِغَايَتِ رَبِّهِ فَأَعْرَضَ عَنْهَا وَنَسِيَ مَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ
Klausa 2	إِنَّا جَعَلْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً أَنْ يَفْقَهُوهُ وَفِي إِذَا هُمْ وَقْرَا
Klausa 3	وَإِنْ تَدْعُهُمْ إِلَى الْهُدَىٰ فَلَنْ يَهْتَدُوا إِذَا أَبَدَا

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KN. Klausa 1 menyatakan ‘tidaklah ada yang lebih zalim daripada orang yang diberi peringatan dengan ayat-ayat Tuhan mereka lalu ia berpaling daripadanya dan lupa akan apa yang telah dilakukan oleh kedua tangannya’ dan klausa 2 menerangkan bahawa ‘Kami (Allah) tutup serapat-rapatnya hati mereka daripada memahaminya dan (jadikan) telinga mereka pekkak’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog. Oleh yang demikian, tanda

waqf (﴿) di sini menunjukkan hubung-kait epilog antara kedua-dua klausa, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada kedua-dua klausa ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

Klausa 2 merupakan klausa KN sementara klausa 3 merupakan klausa KK. Klausa 2 menyatakan ‘Kami (Allah) tutup serapat-rapatnya hati mereka daripada memahaminya dan (jadikan) telinga mereka pekak’ dan klausa 3 menjelaskan ‘jika engkau menyeru mereka kepada petunjuk, maka mereka sekali-kali tidak akan beroleh hidayah petunjuk selama-lamanya’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat disebabkan penerangan serta penjelasan pada klausa 3. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat antara kedua-dua klausa dan lebih baik jika disambungkan bacaan pada tanda ini tanpa memberhentikan bacaan, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjelaskan makna.

KEDUA PULUH LAPAN: AYAT 58

وَرَبُّكَ الْعَفُورُ ذُو الْرَّحْمَةِ لَوْيُؤَاخِذُهُمْ بِمَا كَسَبُوا لَعَجَلَ لَهُمُ الْعَذَابَ بَلْ لَهُمْ مَوْعِدٌ لَنْ تَجِدُوا
منْ دُونِهِ مَوْيِلاً

Maksudnya: “*Dan Tuhanmu maha pengampun, lagi melimpah-limpah rahmatNya, jika ia mahu menyeksa mereka (di dunia) disebabkan apa yang mereka telah usahakan, tentulah ia akan menyegerakan azab itu menimpa mereka, bahkan ditentukan bagi mereka satu masa yang mereka tidak sekali-kali akan dapat sebarang tempat perlindungan daripadanya”*

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur'an dengan menggunakan tanda ﴿ صلی ﴾ kecil iaitu "al-waṣl awlā" dan tanda (ۚ) kecil iaitu "waqf jāiz" pada perkataan الرَّحْمَةَ ﴿ صلی ﴾ dan tanda (ۚ) kecil pada perkataan العَذَابَ ﴿ العذاب ﴾. Kaedah bacaan pada perkataan الرَّحْمَةَ ﴿ صلی ﴾ ialah menyambung bacaan lebih baik dari memberhentikan bacaan pada tanda ﴿ صلی ﴾ ini, sementara kaedah bacaan pada perkataan العَذَابَ ﴿ العذاب ﴾ ialah harus memberhentikan bacaan atau disambung terus bacaan pada tanda (ۚ) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai tiga (3) klausa iaitu:

Jadual 4.28: Ayat 58

Klausa 1	وَرَبُّكَ الْغَفُورُ ذُو الْرَّحْمَةِ
Klausa 2	لَوْيَؤَاخِذُهُم بِمَا كَسَبُوا لَعَجَلَ لَهُمُ الْعَذَابَ
Klausa 3	بَل لَّهُمْ مَوْعِدٌ لَّن تَجْدُوا مِنْ دُونِهِ مَوْبِلاً

Klausa 1 merupakan klausa KN sementara klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan 'Tuhanmu maha pengampun lagi melimpah-limpah rahmat-Nya' dan klausa 2 menjelaskan 'jika ia mahu menyeksa mereka (di dunia) atas apa yang mereka telah usahakan, tentulah ia akan menyegerakan azab kepada mereka'. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat disebabkan terdapatnya jumlah sharaṭ yang dimulakan dengan 'لَوْ'. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿ صلی ﴾) di sini menunjukkan hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat antara kedua-dua klausa dan lebih baik jika disambungkan bacaan pada tanda ini tanpa memberhentikan bacaan, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjaskan makna.

Klausa 2 merupakan klausa KK sementara klausa 3 merupakan klausa KN. Klausa 2 menyatakan ‘jika ia muhу menyeksa mereka (di dunia) atas apa yang mereka telah usahakan, tentulah ia akan menyegerakan azab kepada mereka’ dan klausa 3 menerangkan ‘bahkan ditentukan bagi mereka satu masa yang mereka tidak sekali-kali akan dapat sebarang tempat perlindungan daripadanya’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubung-kait epilog antara kedua-dua klausa, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada kedua-dua klausa ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

KEDUA PULUH SEMBILAN: AYAT 63

قَالَ أَرْءَيْتَ إِذْ أَوْيَنَا إِلَى الْصَّخْرَةِ فَإِنِّي نَسِيْتُ أَحْوَثَ وَمَا أَنْسَنِيْهِ إِلَّا الشَّيْطَانُ أَنَّ أَذْكُرَهُ وَأَخْتَدَهُ

سَيِّلَهُ دِفْنِي الْبَحْرِ عَجَّبًا

Maksudnya: “Temannya berkata: Tahukah apa yang telah terjadi ketika kita berehat di batu besar itu? sebenarnya aku lupakan hal ikan itu; dan tiadalah yang menyebabkan aku lupa daripada menyebutkan halnya kepadamu melainkan syaitan; dan ikan itu telah menggelunsur menempuh jalannya di laut, dengan cara yang menakjubkan”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (﴿) kecil iaitu “waqf jāiz” pada perkataan أَذْكُرَهُ. Kaedah bacaan pada perkataan أَذْكُرَهُ ialah harus memberhentikan bacaan atau disambung terus bacaan pada tanda (﴿) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.29: Ayat 63

Klausa 1	قَالَ أَرَأَيْتَ إِذْ أَوْيَنَا إِلَى الصَّخْرَةِ فَإِنِّي نَسِيْتُ الْحُوتَ وَمَا أَنْسَدِنِيهُ إِلَّا الشَّيْطَانُ أَنْ ذَكْرُهُ ^{۱۴}
Klausa 2	وَأَنْخَدَ سَبِيلَهُ فِي الْبَحْرِ عَجَباً

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘berkata (temannya): “((tahukah apa yang telah terjadi ketika kita berehat di batu besar itu? Sebenarnya aku lupakan hal ikan itu; dan tiadalah yang menyebabkan aku lupa daripada menyebutkan halnya kepadamu melainkan syaitan))’ dan klausa 2 menerangkan bahawa ‘ikan itu telah menggelunsur menempuh jalannya di laut dengan cara yang menakjubkan’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubung-kait epilog antara kedua-dua klausa, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada kedua-dua klausa ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

KETIGA PULUH: AYAT 64

قالَ ذَلِكَ مَا كُنَّا نَبْغُ فَارْتَدَّا عَلَىٰ ءاثَارِهِمَا قَصَصًا

Maksudnya: “Dia berkata: Itulah yang kitakehendaki, mereka pun balik semula ke situ dengan menurut jejak mereka”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (﴿) kecil iaitu “waqf jāiz” pada perkataan نَبْغٌ. Kaedah bacaan pada perkataan نَبْغٌ ialah harus memberhentikan bacaan atau disambung terus bacaan pada tanda (﴿) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.30: Ayat 64

Klausa 1	فَالْذِلِّكَ مَا كُنَّا نَبْغِي
Klausa 2	فَأَرْتَدَهُمَا عَلَىٰ أَثْارِهِمَا قَصَصًا

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘(Nabi Musa) berkata: ((itulah yang kita kehendaki)) dan klausa 2 menyatakan bahawa ‘mereka balik semula ke situ dengan menurut jejak mereka’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubung-kait epilog antara kedua-dua klausa, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada kedua-dua klausa ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

KETIGA PULUH SATU: AYAT 71

فَانطَلَقا حَتَّىٰ إِذَا رَكِبَا فِي الْسَّفِينَةِ خَرَقَهَا ﴿٦﴾ قَالَ أَخْرَقْتَهَا لِتُعْرِقَ أَهْلَهَا لَقَدْ جِئْتَ شَيْئًا إِمْرًا

Maksudnya: “Lalu berjalanlah keduanya sehingga apabila mereka naik ke sebuah perahu, ia membocorkannya. (Nabi Musa AS) berkata: Patutkah engkau membocorkannya sedang akibat perbuatan itu menenggelamkan penumpang-penumpangnya? Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perkara yang besar”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (صَلَّى) kecil iaitu “al-waṣl awlā” pada perkataan خرَقَهَا صَلَّى. Kaedah bacaan pada perkataan

الصلوة خرقها ialah menyambung bacaan lebih baik dari memberhentikan bacaan pada tanda صلوة () ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.31: Ayat 71

Klausa 1	فَانطَّلِقا حَتَّى إِذَا رَكِبَا فِي الْسَّفِينَةِ خَرَقَهَا
Klausa 2	قَالَ أَخْرَقْتَهَا لِتُغْرِقَ أَهْلَهَا لَقَدْ جِئْتَ شَيْئًا إِمْرًا

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘maka berjalanlah keduanya sehingga apabila mereka naik ke sebuah perahu ia membocorkannya’ dan klausa 2 menjelaskan ‘(Nabi Musa) berkata: ((Patutkah engkau membocorkannya sedang akibat perbuatan itu menenggelamkan penumpang-penumpangnya? sesungguhnya engkau telah melakukan satu perkara yang besar))’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat disebabkan sambungan penceritaan. Oleh yang demikian, tanda waqf (صلوة) di sini menunjukkan hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat antara kedua-dua klausa dan lebih baik jika disambungkan bacaan pada tanda ini tanpa memberhentikan bacaan, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjaskankan makna.

KETIGA PULUH DUA: AYAT 76

قالَ إِنِّي سَأَلْتُكَ عَنْ شَيْءٍ بَعْدَهَا فَلَا تُصَحِّبِنِي قَدْ بَلَغْتَ مِنْ لَدُنِي عُذْرًا ﴿٧٦﴾

Maksudnya: “Nabi Musa AS berkata: Jika aku bertanya kepadamu tentang sebarang perkara sesudah ini, maka janganlah engkau jadikan aku sahabatmu lagi, sesungguhnya engkau telah cukup

mendapat alasan-alasan berbuat demikian disebabkan pertanyaan-pertanyaan dan bantahanku”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur'ān dengan menggunakan tanda (صلی) kecil iaitu "al-waṣl awlā" pada perkataan تصحبی صلی. Kaedah bacaan pada perkataan تصحبی صلی ialah menyambung bacaan lebih baik dari memberhentikan bacaan pada tanda (صلی) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.32: Ayat 76

Klausur 1	فَالْإِنْ سَأَلْتُكَ عَنْ شَيْءٍ بَعْدَهَا فَلَا تُصَحِّبِنِي
Klausur 2	قَدْ بَلَغْتَ مِنَ الْلَّدُنِي عُذْرًا

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan '(Nabi Musa) berkata: ((Jika aku bertanya kepadamu tentang sebarang perkara sesudah ini maka janganlah engkau jadikan aku sahabatmu lagi))' dan klausa 2 menjelaskan 'sesungguhnya engkau telah cukup mendapat alasan-alasan berbuat demikian disebabkan pertanyaan-pertanyaan dan bantahanku'. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat disebabkan terdapatnya huruf tawķid yang menunjukkan penegasan. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat antara kedua-dua klausa dan lebih baik jika disambungkan bacaan pada tanda ini tanpa memberhentikan bacaan, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjeaskan makna.

KETIGA PULUH TIGA: AYAT 77

فَانْطَلَقَا حَتَّىٰ إِذَا أَتَيَا أَهْلَ قَرْيَةٍ أَسْتَطَعُمَا أَهْلَهَا فَأَبَوَا أَن يُضِيقُوهُمَا فَوَجَدَا فِيهَا جِدَارًا يُرِيدُ أَن

يَنْقَضَ فَاقَامَهُرْ قَالَ لَوْ شِئْتَ لَتَخَذِّلَ عَلَيْهِ أَجْرًا

yy

Maksudnya: “Kemudian keduanya berjalan lagi, sehingga apabila mereka sampai kepada penduduk sebuah bandar, mereka meminta makan kepada orang-orang di situ, lalu orang-orang itu enggan menjamu mereka. Kemudian mereka dapati sebuah tembok yang hendak runtuh, lalu ia membinanya. Nabi Musa AS berkata: Jika engkau mahu, tentulah engkau berhak mengambil upah mengenainya”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (صلی) kecil iaitu “al-waṣl awlā” pada perkataan أقامه صلی. Kaedah bacaan pada perkataan أقامه صلی ialah menyambung bacaan lebih baik dari memberhentikan bacaan pada tanda (صلی) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.33: Ayat 77

Klausa 1	فَانْطَلَقَا حَتَّىٰ إِذَا أَتَيَا أَهْلَ قَرْيَةٍ أَسْتَطَعُمَا أَهْلَهَا فَأَبَوَا أَن يُضِيقُوهُمَا فَوَجَدَا فِيهَا جِدَارًا يُرِيدُ أَن يَنْقَضَ فَاقَامَهُرْ
Klausa 2	قَالَ لَوْ شِئْتَ لَتَخَذِّلَ عَلَيْهِ أَجْرًا

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘kemudian keduanya berjalan lagi sehingga apabila mereka sampai kepada penduduk sebuah bandar, mereka meminta makan kepada orang-orang di situ, lalu orang-orang itu enggan

menjamu mereka, kemudian mereka dapati sebuah tembok yang hendak runtuh, lalu ia membinanya’ dan klausa 2 menjelaskan ‘(Nabi Musa) berkata: ((jika engkau mahu, tentulah engkau berhak mengambil upah mengenainya))’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat disebabkan sambungan penceritaan. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat antara kedua-dua klausa dan lebih baik jika disambungkan bacaan pada tanda ini tanpa memberhentikan bacaan, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjelaskan makna.

KETIGA PULUH EMPAT: AYAT 78

قالَ هَذَا فِرَاقٌ بَيْنِي وَبَيْنِكَ سَأُنَبِّئُكَ بِتَأْوِيلِ مَا لَمْ تَسْتَطِعْ عَلَيْهِ صَبْرًا

Maksudnya: “Dia berkata inilah masanya perpisahan antaraku denganmu, aku akan terangkan kepadamu maksud (kejadian-kejadian yang dimusykilkam) yang engkau tidak dapat bersabar mengenainya”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (﴿) kecil iaitu “waqf jāiz” pada perkataan ﴿ بَيْنِكَ ﴾. Kaedah bacaan pada perkataan ﴿ بَيْنِكَ ﴾ ialah harus memberhentikan bacaan atau disambung terus bacaan pada tanda (﴿) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.34: Ayat 78

Klausa 1	قالَ هَذَا فِرَاقٌ بَيْنِي وَبَيْنِكَ
Klausa 2	سَأُنَبِّئُكَ بِتَأْوِيلِ مَا لَمْ تَسْتَطِعْ عَلَيْهِ صَبْرًا

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘dia (Nabi Khidir) berkata inilah masanya perpisahan antaraku denganmu (Nabi Musa) dan klausa 2 menerangkan bahawa ‘aku akan terangkan kepadamu maksud (kejadian-kejadian yang dimusyikikan) yang engkau tidak dapat bersabar mengenainya’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubung-kait epilog antara kedua-dua klausa, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada kedua-dua klausa ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

KETIGA PULUH LIMA: AYAT 82

وَأَمَّا الْجِدَارُ فَكَانَ لِغُلَمَيْنِ يَتِيمَيْنِ فِي الْمَدِينَةِ وَكَانَ تَحْتَهُ كَنْزٌ لَّهُمَا وَكَانَ أَبُوهُمَا صَاحِلًا فَأَرَادَ رَبُّكَ أَنْ يَبْلُغَا أَشُدَّهُمَا وَيَسْتَخْرِجَا كَنْزَهُمَا رَحْمَةً مِّنْ رَبِّكَ وَمَا فَعَلُتُهُ عَنْ أَمْرِي ۚ ذَلِكَ تَأْوِيلٌ مَا لَمْ تَسْطِعْ عَلَيْهِ صَبَرًا

Maksudnya: “Adapun tembok itu pula kepunyaan dua orang anak yatim di bandar itu dan di bawahnya ada harta terpendam kepunyaan mereka dan bapa mereka pula adalah orang yang soleh. Maka Tuhanmu menghendaki apabila mereka cukup umur bolehlah mereka mengeluarkan harta yang terpendam itu sebagai satu rahmat dari Tuhanmu dan (ingatlah) aku tidak melakukannya menurut fikiranku sendiri. Demikianlah penjelasan tentang maksud dan tujuan perkara-perkara yang engkau tidak dapat bersabar mengenainya”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (﴿) kecil iaitu “waqf jāiz” pada perkataan رَبِّكَ (ربک) dan أَمْرِي (أمری). Kaedah bacaan pada perkataan رَبِّكَ (ربک) dan أَمْرِي (أمری) ialah harus memberhentikan bacaan atau disambung terus bacaan pada tanda (﴿) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai tiga (3) klausa iaitu:

Jadual 4.35: Ayat 82

Klausa 1	وَأَمَا الْجَدَارُ فَكَانَ لِغُلَمَيْنِ يَتِيمَيْنِ فِي الْمَدِينَةِ وَكَانَ تَحْتَهُ رَبِيعٌ لَّهُمَا وَكَانَ أَبُوهُمَا صَلِحًا فَأَرَادَ رَبِيعٌ أَنْ يَبْلُغَا أَسْدَهُمَا وَيَسْتَخْرِجَا كَنْزَهُمَا رَحْمَةً مِّنْ رَّبِيعٍ
Klausa 2	وَمَا فَعَلْتُهُ إِنْ أَمْرِي
Klausa 3	ذَلِكَ تَأْوِيلٌ مَا لَمْ تَسْطِعْ عَلَيْهِ صَبْرًا

Klausa 1 merupakan klausa KN sementara klausa 2 pula merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘adapun tembok itu pula kepunyaan dua orang anak yatim di bandar itu dan di bawahnya ada harta terpendam kepunyaan mereka dan bapa mereka pula adalah orang yang soleh, maka Tuhanmu menghendaki apabila mereka cukup umur bolehlah mereka mengeluarkan harta yang terpendam itu sebagai satu rahmat dari Tuhanmu’ dan klausa 2 menerangkan bahawa ‘aku (Nabi Khidir) tidak melakukannya menurut fikiranku sendiri’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog. Oleh yang demikian, tanda waqf (ؑ) di sini menunjukkan hubung-kait epilog antara kedua-dua klausa, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada kedua-dua klausa ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

Klausa 2 merupakan klausa KK sementara klausa 3 pula merupakan klausa KN. Klausa 2 menyatakan ‘aku (Nabi Khidir) tidak melakukannya menurut fikiranku sendiri’ dan klausa 3 menerangkan bahawa ‘demikianlah penjelasan tentang maksud dan tujuan perkara-perkara yang engkau tidak dapat bersabar mengenainya’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog. Oleh yang demikian, tanda

waqf (﴿) di sini menunjukkan hubung-kait epilog antara kedua-dua klausa, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada kedua-dua klausa ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

KETIGA PULUH ENAM: AYAT 83

وَسَأَلُوكُمْ عَنِ الْقَرْنَيْنِ قُلْ سَأَتْلُو عَلَيْكُمْ مِّنْهُ ذِكْرًا

Maksudnya: “Dan mereka bertanya kepadamu (Muhammad) mengenai Zulkarnain. Katakanlah: Aku akan ceritakan kepada kamu sedikit tentang perihalnya”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (صلی) kecil iaitu “al-waṣl awlā” pada perkataan القرنین صلی. Kaedah bacaan pada perkataan القرنین صلی ialah menyambung bacaan lebih baik dari memberhentikan bacaan pada tanda (صلی) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.36: Ayat 83

Klausa 1	وَسَأَلُوكُمْ عَنِ الْقَرْنَيْنِ
Klausa 2	قُلْ سَأَتْلُو عَلَيْكُمْ مِّنْهُ ذِكْرًا

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘mereka bertanya kepadamu (Muhammad) mengenai zulkarnain’ dan klausa 2 menjelaskan ‘katakanlah: ((Aku akan ceritakan kepada kamu sedikit tentang perihalnya))’. Jika diteliti kedua-dua

klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat disebabkan penerangan serta penjelasan pada klausa 2. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿ ﴾) di sini menunjukkan hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat antara kedua-dua klausa dan lebih baik jika disambungkan bacaan pada tanda ini tanpa memberhentikan bacaan, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjaskankan makna.

KETIGA PULUH TUJUH: AYAT 86

حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ مَغْرِبَ الشَّمْسِ وَجَدَهَا تَغْرُبُ فِي عَيْنٍ حَمِئَةٍ وَوَجَدَ عِنْدَهَا قَوْمًا قُلْنَا يَدِنَا الْقَرْنَبِينِ

إِمَّا أَنْ تُعَذِّبَ وَإِمَّا أَنْ تَشْخِذَ فِيهِمْ حُسْنَا

Maksudnya: “Sehingga apabila dia sampai ke daerah matahari terbenam, dia mendapatinya terbenam di sebuah matair yang hitam berlumpur dan dia dapati terdapat satu kaum (yang kufur ingkar). Kami berfirman (dengan mengilhamkan kepadanya): Wahai Zulkarnain! Pilihlah sama ada engkau hendak menyeksa mereka atau engkau bertindak secara baik terhadap mereka”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (﴿ ﴾) kecil iaitu “al-waqf awlā” pada perkataan قوماً. Kaedah bacaan pada perkataan قوماً ialah memberhentikan bacaan lebih baik dari menyambung bacaan pada tanda (﴿ ﴾) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.37: Ayat 86

Klausa 1	حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ مَغْرِبَ الظُّلْمَةِ وَجَدَهَا تَغْرُبُ فِي عَيْنٍ حَمْئَةٍ وَوَجَدَ عِنْدَهَا قَوْمًا
Klausa 2	قُلْنَا يَدَا الْقَرْنَيْنِ إِمَّا أَنْ تُعَذِّبَ إِمَّا أَنْ تَسْخِدَ فِيهِمْ حُسْنَا

Klausa 1 merupakan klausa KN sementara klausa 2 pula merupakan klausa KK. Klausa 1 menyebut ‘sehingga apabila dia sampai ke daerah matahari terbenam, dia mendapatinya terbenam di sebuah matair yang hitam berlumpur dan dia dapati terdapat satu kaum (yang kufur ingkar)’ dan klausa 2 pula menyebut ‘Kami (Allah) berfirman (dengan mengilhamkan kepadanya): ((wahai Zulkarnain! pilihlah sama ada engkau mahu menyeksa mereka atau engkau bertindak secara baik terhadap merek))’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan, tetapi hubungannya agak jauh dari segi kaitan, namun begitu ia tidak mencacatkan makna. Oleh sebab demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubungan epilog antara kedua-dua klausa yang kurang rapat dan lebih sesuai jika diberhentikan kerana makna akan lebih jelas dan mudah difahami, namun jika disambung ia tidak merosakkan makna.

KETIGA PULUH LAPAN: AYAT 88

وَأَمَّا مَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُ جَزَاءٌ حَسَنٌ وَسَتُقُولُ لَهُ مِنْ أَمْرِنَا يُسْرًا

Maksudnya: “Adapun orang yang beriman serta beramal soleh, maka baginya balasan yang sebaik-baiknya; dan Kami akan perintahkan kepadanya perintah-perintah Kami yang mudah”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda kecil iaitu “al-waṣl awlā” pada perkataan الحسنى صلى (ﷺ) . Kaedah bacaan pada perkataan

الحسنی صلی ialah menyambung bacaan lebih baik dari memberhentikan bacaan pada tanda (صلی) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.38: Ayat 88

Klausa 1	وَأَمَّا مَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُ، جَزَاءً حَسْنَىٰ
Klausa 2	وَسَقُولُ لَهُ مِنْ أَمْرِنَا يُسْرًا

Klausa 1 merupakan klausa KN sementara klausa 2 pula merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘adapun orang yang beriman serta beramal soleh, maka baginya balasan yang sebaik-baiknya’ dan klausa 2 menjelaskan ‘Kami (Allah) akan perintahkan kepadanya perintah-perintah Kami yang mudah’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat disebabkan penerangan serta penjelasan pada klausa 2. Oleh yang demikian, tanda waqf (صلی) di sini menunjukkan hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat antara kedua-dua klausa dan lebih baik jika disambungkan bacaan pada tanda ini tanpa memberhentikan bacaan, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjaskankan makna.

KETIGA PULUH SEMBILAN: AYAT 96

إِذَا سَأَوَى بَيْنَ الصَّدَافَيْنِ قَالَ أَنْفُخُوا حَتَّىٰ إِذَا جَعَلَهُ نَارًا قَالَ إِذَا أَتُونَى أَفْرَغْ

عَلَيْهِ قِطْرًا

Maksudnya: “Bawalah kepadaku ketul-ketul besi sehingga apabila ia terkumpul separas tingginya menutup lapangan antara dua gunung itu, dia berkata: Tiuplah api! sehingga ia menjadikannya merah

menyala seperti api, berkatalah dia: Bawalah tembaga cair supaya aku tuangkan atasnya”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur'ān dengan menggunakan tanda (صلی) kecil iaitu “al-waṣl awlā” pada perkataan الحدید صلی dan الحدید صلی. Kaedah bacaan pada perkataan الحدید صلی ialah menyambung bacaan lebih baik dari memberhentikan bacaan pada tanda (صلی) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai tiga (3) klausa iaitu:

Jadual 4.39: Ayat 96

Klausa 1	إِتُونِي زِيرَ الْحَدِيدِ
Klausa 2	حَتَّىٰ إِذَا سَاوَى بَيْنَ الصَّدَفَيْنِ قَالَ أَنْفُخُوا
Klausa 3	حَتَّىٰ إِذَا جَعَلَهُ نَارًا قَالَ إِتُونِي أَفْرُغْ عَلَيْهِ قِطْرًا

Klausa 1 merupakan klausa KK sementara klausa 2 pula merupakan klausa KN. Klausa 1 menyatakan ‘(zulkarnain berkata): ((bawalah kepadaku ketul-ketul besi))’ dan klausa 2 menjelaskan ‘sehingga apabila ia terkumpul separas tingginya menutup lapangan antara dua gunung itu, dia berkata: ((tiuplah api!))’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat disebabkan sambungan penceritaan. Oleh yang demikian, tanda waqf (صلی) di sini menunjukkan hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat antara kedua-dua klausa dan lebih baik jika disambungkan bacaan pada tanda ini tanpa memberhentikan bacaan, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjaskankan makna.

Klausa 2 dan klausa 3 merupakan klausa KN. Klausa 2 menyatakan ‘sehingga apabila ia terkumpul separas tingginya menutup lapangan antara dua gunung itu, dia berkata: ((tiuplah api!))’ dan klausa 3 menjelaskan ‘sehingga ia menjadikannya merah menyala seperti api, berkatalah dia: ((bawalah tembaga cair supaya aku tuangkan atasnya))’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat disebabkan sambungan penceritaan. Oleh yang demikian, tanda waqf (صلی) di sini menunjukkan hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat antara kedua-dua klausa dan lebih baik jika disambungkan bacaan pada tanda ini tanpa memberhentikan bacaan, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjaskan makna.

KEEMPAT PULUH: AYAT 98

قالَ هَذَا رَحْمَةٌ مِّنْ رَبِّي فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَّاءً وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا

Maksudnya: “(setelah itu) berkatalah Zulkarnain: “Ini ialah suatu rahmat dari Tuhanmu; dalam pada itu, apabila sampai janji Tuhanmu, Dia akan menjadikan tembok itu hancur lebur, dan adalah janji Tuhanmu itu benar””

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (صلی) kecil iaitu “al-waṣl awlā” pada perkataan دکاصلی ربی صلی dan دکاصلی ربی صلی. Kaedah bacaan pada perkataan دکاصلی ربی صلی dan دکاصلی ربی صلی ialah menyambung bacaan lebih baik dari memberhentikan bacaan pada tanda (صلی) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai tiga (3) klausa iaitu:

Jadual 4.40: Ayat 98

Klausa 1	قَالَ هَذَا رَحْمَةٌ مِّنْ رَبِّي
Klausa 2	فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَّاءً
Klausa 3	وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘berkatalah (zulkarnain): ((Ini ialah suatu rahmat dari Tuhan))’ dan klausa 2 menjelaskan ‘maka apabila sampai janji Tuhan, Dia akan menjadikan tembok itu hancur lebur’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat disebabkan sambungan penceritaan. Oleh yang demikian, tanda waqf (صلی) di sini menunjukkan hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat antara kedua-dua klausa dan lebih baik jika disambungkan bacaan pada tanda ini tanpa memberhentikan bacaan, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjaskan makna.

Klausa 2 dan klausa 3 merupakan klausa KK. Klausa 2 menyatakan ‘maka apabila sampai janji Tuhan, Dia akan menjadikan tembok itu hancur lebur’ dan klausa 3 menjelaskan ‘dan janji Tuhan itu benar’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat disebabkan penerangan serta penjelasan pada klausa 2. Oleh yang demikian, tanda waqf (صلی) di sini menunjukkan hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat antara kedua-dua klausa dan lebih baik jika disambungkan bacaan pada tanda ini tanpa memberhentikan bacaan, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjaskan makna.

KEEMPAT PULUH SATU: AYAT 99

﴿ وَتَرَكْنَا بَعْضَهُمْ يَوْمَئِذٍ يَمُوجُ فِي بَعْضٍ وَنُفَخَ فِي الْصُّورِ جَمِيعَهُمْ جَمِيعًا ﴾

Maksudnya: “Dan Kami biarkan mereka pada hari itu (keluar beramai-ramai) bercampur-baur antara satu dengan yang lain; dan (kemudiannya) akan ditiup sangkakala, lalu Kami himpukkan makhluk-makhluk seluruhnya di padang Mahsyar”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (صلی) kecil iaitu “al-waṣl awlā” pada perkataan بعض صلی. Kaedah bacaan pada perkataan بعض صلی ialah harus memberhentikan bacaan atau disambung terus bacaan pada tanda صلی ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.41: Ayat 99

Klausa 1	﴿ وَتَرَكْنَا بَعْضَهُمْ يَوْمَئِذٍ يَمُوجُ فِي بَعْضٍ ﴾
Klausa 2	﴿ وَنُفَخَ فِي الْصُّورِ جَمِيعَهُمْ جَمِيعًا ﴾

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘Kami (Allah) biarkan mereka pada hari itu (keluar beramai-ramai) bercampur-baur antara satu dengan yang lain’ dan klausa 2 menjelaskan ‘(kemudiannya) akan ditiup sangkakala, lalu Kami himpukkan makhluk-makhluk seluruhnya di padang Mahsyar’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat disebabkan sambungan penceritaan. Oleh yang demikian, tanda waqf (صلی) di sini menunjukkan

hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat antara kedua-dua klausa dan lebih baik jika disambungkan bacaan pada tanda ini tanpa memberhentikan bacaan, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjelaskan makna.

KEEMPAT PULUH DUA: AYAT 102



أَفَحِسِبَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنْ يَتَخِذُوا عِبَادِي مِنْ دُونِهِ أُولَئِكَ إِنَّا أَعْتَدْنَا جَهَنَّمَ لِلْكَفَرِينَ ثُرُلًا

Maksudnya: “Maka adakah orang-orang kafir menyangka bahawa mereka mengambil hamba-hambaKu sebagai makhluk-makhluk yang disembah, selain daripadaKu, dapat menolong mereka? Sesungguhnya Kami telah sediakan neraka jahannam bagi orang-orang kafir itu sebagai tempat tetamu”

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (﴿) kecil iaitu “waqf jāiz” pada perkataan أُولَئِكَ. Kaedah bacaan pada perkataan ialah harus memberhentikan bacaan atau disambung terus bacaan pada tanda (﴿) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausa iaitu:

Jadual 4.42: Ayat 102

Klausa 1	أَفَحِسِبَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنْ يَتَخِذُوا عِبَادِي مِنْ دُونِهِ أُولَئِكَ
Klausa 2	إِنَّا أَعْتَدْنَا جَهَنَّمَ لِلْكَفَرِينَ ثُرُلًا

Klausa 1 dan klausa 2 merupakan klausa KK. Klausa 1 menyatakan ‘(Allah bertanya): ((adakah orang-orang kafir menyangka bahawa mereka mengambil hamba-hamba-Ku

untuk disembah selain daripadaku dapat menolong mereka?))’ dan klausu 2 menerangkan bahawa ‘sesungguhnya Kami (Allah) telah menyediakan neraka jahannam bagi orang-orang kafir itu sebagai tempat tetamu’. Jika diteliti kedua-dua klausu ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog. Oleh yang demikian, tanda waqf (﴿) di sini menunjukkan hubung-kait epilog antara kedua-dua klausu, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada kedua-dua klausu ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.

KEEMPAT PULUH TIGA: AYAT 110.

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوَحَّىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَّهُكُمْ إِلَّهٌ وَاحِدٌ فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلاً

صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا ﴿

Maksudnya: “Katakanlah (Muhammad): “Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaKu bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang satu. Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapapun dalam ibadatnya kepada Tuhannya””

a. Analisis Hukum Waqf

Dalam ayat di atas, terdapat tanda waqf bacaan al-Qur’ān dengan menggunakan tanda (﴿) kecil iaitu “al-waṣl awlā” pada perkataan واحد ﴿ ﴾ . Kaedah bacaan pada perkataan واحد ﴿ ﴾ ialah menyambung bacaan lebih baik dari memberhentikan bacaan pada tanda (﴿) ini.

b. Analisis Makna Berdasarkan Tanda Waqf

Berdasarkan tanda waqf, ayat di atas mempunyai dua (2) klausu iaitu:

Jadual 4.43: Ayat 110

Klausa 1	قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْكُمْ يُوحَى إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ
Klausa 2	فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلاً صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا

Klausa 1 merupakan klausa KK sementara klausa 2 pula merupakan klausa KN. Klausa 1 menyatakan ‘katakanlah! (Muhammad): ((sesungguhnya aku hanyalah manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa sesungguhnya Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang satu’ dan klausa 2 menjelaskan ‘oleh itu sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekuatkan sesiapapun dalam ibadatnya kepada Tuhannya’. Jika diteliti kedua-dua klausa ini mempunyai hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat disebabkan penerangan serta penjelasan pada klausa 2. Oleh yang demikian, tanda waqf (صَلْوة) di sini menunjukkan hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat antara kedua-dua klausa dan lebih baik jika disambungkan bacaan pada tanda ini tanpa memberhentikan bacaan, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjaskankan makna.

4.4 KESIMPULAN

Analisis yang telah dilakukan melihat tanda waqf bacaan al-Qur’ān. Proses kajian ini dilihat amatlah rumit kerana kajian terhadap makna tanda waqf belum ditemui atau belum pernah dilakukan khususnya makna hubung-kait antara waqf bacaan dengan klausa-klausa di dalam ayat.

Hasil kajian ini bolehlah disimpulkan ia hanya melibatkan kesinambungan epilog atau cerita di dalam ayat. Ia bertepatan dengan tempat-tempat tanda waqf tersebut

diletakkan. Penulis melihat fungsi tanda-tanda waqf ini amat penting bagi memahami ayat khususnya bahasa Arab, walaupun pada penulisan biasa tanda waqf ini tidak digunakan.

Hasil analisis, penulis ingin merumuskan penggunaan tanda-tanda waqf bacaan al-Qur'an yang terdapat di dalam surah al-Kahfi seperti berikut:

Jadual 4.44: Penggunaan Tanda Waqf Dalam Surah al-Kahfi.

JENIS TANDA	PENGGUNAAN PADA AYAT	JUMLAH TANDA
(ؐ)	1	1
(ؑ)	5 (2), 13, 17, 18 (2), 19 (2), 21, 22, 24, 26, 29 (3), 31, 33, 39, 44, 48, 49, 50, 54, 56, 57, 58, 63, 64, 78, 82 (2), 102.	32
(ؒ)	14, 15 (2), 17, 18, 19, 21 (2), 22, 26 (2), 27, 28 (2), 29, 46, 56, 57, 58, 71, 76, 77, 83, 88, 96 (2), 98 (2), 99, 110.	30
(ؓ)	17, 22, 45, 49, 50, 86.	6
4 TANDA	43 AYAT	69 TANDA

Di dalam kajian ini, penulis mendapati terdapat hanya empat (4) jenis tanda waqf bacaan al-Qur'an yang digunakan melibatkan empat puluh tiga (43) ayat dan penulis mendapati terdapat tiga (3) tanda yang tidak digunakan iaitu (ؐ)' (ؑ'. .') dan (ؓ').

Hasil analisis, penulis mendapati makna-makna disebalik tanda-tanda waqf bacaan al-Qur'an iaitu:

- a) Tanda (ؐ) saktah jika dilihat ia mempunyai hubungan makna antara dua klausa dan sekiranya disambung klausa tersebut ia boleh mengelirukan makna. Maka sewajarnya diberhentikan bacaan.

- b) Tanda waqf (﴿) menunjukkan hubung-kait epilog antara dua klausa, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada kedua-dua klausa ini ia tidak merosakkan makna dan tidak mencacatkan epilog.
- c) Tanda waqf (ﴽ) menunjukkan hubungan kesinambungan epilog yang lebih rapat antara dua klausa dan lebih baik jika disambungkan bacaan pada tanda ini, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjaskan makna.
- d) Tanda waqf (﴾) menunjukkan hubungan epilog antara dua klausa. Namun ianya kurang rapat dari sudut hubung-kait epilog dan lebih sesuai jika diberhentikan kerana maknanya akan lebih jelas dan mudah difahami, namun jika disambung ia tidak merosakkan makna.

Dalam analisis ini juga, penulis mendapati bahawa perbezaan di antara tanda-tanda waqf ini dibincangkan dalam ilmu tajwid dan memfokuskan kepada makna-makna di dalam ayat supaya menjadi lebih sempurna dan tepat. Perbezaan tanda-tanda dalam ayat-ayat ini memerlukan kepada tafsiran yang al-Qur'ān yang tepat. Dalam analisis ini, penulis hanya menggunakan pemahaman makna melalui buku-buku tafsir kerana kajian terhadap makna serta peranan tanda waqf seperti ini belum ditemui atau belum pernah dilakukan secara terperinci.

Dalam analisis ini, Dato' Mohamad Nor Mansor al-Hafiz (2012) menyatakan bahawa ia merupakan kajian yang belum pernah dilakukan bagi mengkaji makna terhadap tanda waqf bacaan al-Qur'ān ini. Namun beliau merasakan analisis yang dilakukan amat sesuai dengan makna iaitu dengan melihat kepada hubungkait terhadap ayat-ayat dan beliau menambah bahawa ia juga melihat kepada tanda bacaan yang ada kini.

BAB LIMA

KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, penulis akan menerangkan rumusan serta kesimpulan kajian yang diperolehi sepanjang kajian ini dijalankan. Hasil dari rumusan ini, penulis mengemukakan beberapa cadangan serta saranan bagi penambahbaikan dalam kajian-kajian mendatang.

Ilmu pembacaan atau ilmu bahasa bacaan sewajarnya kita kuasai kerana ia merupakan perkara yang paling penting bagi memahami ayat-ayat yang dibaca. Kebiasaannya jika kita tidak memahami bacaan yang dibaca, kemungkinan bacaan kita akan mengalami kecatatan kekurangan.

Oleh yang demikian, kajian berkaitan analisis waqf dan tandanya di dalam surah al-Kahfi berdasarkan rasm ‘uthmānī adalah teramat penting, apatah lagi kajian yang dilakukan ini berkaitan dengan al-Qur’ān. Kajian seperti ini digunakan bagi memahami (semantik) erti atau makna dalam sesuatu ayat al-Qur’ān khususnya dan lain-lain amnya.

Namun waqf bacaan merupakan perkara yang penting dalam al-Qur’ān. Ini kerana bacaan al-Qur’ān adalah perkara yang digunakan dalam amalan sehari-hari kita seperti solat, zikir dan lain-lain.

5.2 RUMUSAN

Al-Qur'ān merupakan wahyu daripada Allah yang sangat hebat berdasarkan kepada keunikan di dalam kronologi pengumpulan dan pembukuan al-Qur'ān. Berdasarkan kajian ini, penulis menyimpulkan bahawa objektif kajian ini telah dapat dicapai. Ia dapat dilihat melalui sejarah penulisan al-Qur'ān yang telah dinyatakan di dalam bab dua melalui kronologi penghasilan al-Qur'ān rasm 'uthmani. Namun begitu, dalam mengkaji sejarah penulisan al-Qur'ān, penulis masih belum menjumpai tokoh yang mula menggunakan tanda waqf dalam al-Qur'ān rasm 'uthmani.

Huraian mengenai waqf dan tanda bacaan al-Qur'ān serta peranannya pula dinyatakan secara terperinci di dalam bab tiga menurut ilmuan Islam melalui ijтиhad mereka. Penulis juga mendapati kajian seperti ini tidak banyak dilakukan. Oleh yang demikian, kebanyakan rujukan yang diperolehi oleh penulis untuk kajian ini hanya menggunakan buku-buku ilmu tajwid tetapi buku-buku tajwid tersebut tidak dinyatakan sebab musabbab tanda ini diletakkan secara tepat berdasarkan ayat.

Walaupun penulis merasakan banyak input dan maklumat yang diperolehi untuk memahami maksud atau semantik ayat-ayat al-Qur'ān dengan lebih sempurna, penulis merasakan terdapat beberapa ilmu yang mempunyai kaitan dengan waqf bacaan al-Qur'ān iaitu ilmu tafsīr, ilmu bahasa Arab yang perlu diberi perhatian. Oleh kerana itu, bagi memahami al-Qur'ān, ilmu berkaitan bahasa Arab tidak dapat dielakkan. Ini kerana al-Qur'ān diturunkan menggunakan bahasa tersebut.

Penulis juga mendapati maklumat berkaitan sejarah penulisan al-Qur'ān masih kurang dilakukan secara terperinci khususnya Dabṭ al-Qur'ān (tanda-tanda) walaupun banyak kajian terhadap sejarah pembukuan al-Qur'ān yang dilakukan. Ini kerana terdapat

banyak tanda-tanda dalam al-Qur'an yang tidak difahami maknanya. Penulis hanya menjumpai zaman bermulanya penggunaan tanda waqf iaitu pada zaman daulat abbāsīyya¹ iaitu bertujuan memurnikan penulisan al-Qur'an.

Penulis mendapati 6 tanda waqf dan 1 tanda saktah yang terdapat dalam rasm 'uthmānī melibatkan kesinambungan epilog dan ia mempunyai kaitan dengan tanda wacana bacaan seperti tanda seru, tanda soal dan lain-lain. Tanda-tanda ini bertujuan menjaga maksud-maksud ayat dari dirosakkan.

Penulis juga mendapati, tanda-tanda waqf yang terdapat dalam penulisan ini berkaitan rapat dengan ibtidā' atau memulakan bacaan, walaupun ibtidā' tidak mempunyai sebarang tanda. Oleh yang demikian, seseorang yang membaca al-Qur'an perlu mengetahui waqf dan ibtidā' yang sesuai dalam bacaan.

Dalam kajian ini, penulis mendapati terdapat beberapa kekeliruan tanda bacaan dalam rasm 'uthmānī. Penggunaan huruf (^) kecil sebagaimana yang diketahui sebelum ini menunjukkan *waqf lazim* yang bermaksud mesti memberhentikan perkataan pada huruf (^) kecil, kemudian memulakan bacaan selepas huruf (^) kecil tersebut. Tetapi kadang kala kekeliruan berlaku, apabila huruf (^) kecil yang tertulis disangkakan *waqf lazim*, padahal menunjukkan *iqlab* (tanwin bertemu ↗) dan perlu didengungkan, contoh pada ayat-ayat berikut:

Jadual 5.1: Contoh Kekeliruan Terhadap Tanda Waqf (^)

AYAT	AYAT-AYATNYA	TANDA
Yasin: 76	فَلَا تَحْرِنَّكُ قَوْلُهُمْ إِنَّا نَعْلَمُ مَا يُسْرُونَ وَمَا يُعَلِّمُونَ	(^) menunjukkan tanda <i>waqf lazim</i>
Al-Maidah: 71	وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِمَا يَعْمَلُونَ	(^) menunjukkan <i>iqlab</i>

Terdapat juga kekeliruan dalam penggunaan huruf (﴿) kecil sebagaimana yang diketahui sebelum ini menunjukkan saktah yang mana ia mesti memberhentikan perkataan tersebut tanpa mengambil nafas, kemudian memulakan bacaan selepas huruf (﴿) kecil tersebut. Tetapi terdapat juga huruf (﴿) kecil yang tertulis di bawah perkataan disangkakan *saktah*, padahal ia menunjukkan kaedah bacaan pada perkataan huruf (ص), yang mana ia boleh dibaca dengan huruf (س) iaitu huruf asalnya, contoh pada ayat-ayat berikut:

Jadual 5.2: Contoh Kekeliruan Terhadap Tanda Saktah (﴿)

AYAT	AYAT-AYATNYA	TANDA
Al-Qiyamah: 27	وَقِيلَ مَنْ رَاقٍ	(﴿) menunjukkan tanda saktah
Al-Baqarah: 245	وَيَبْصُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ	menunjukkan kaedah bacaan pada perkataan yang terdapat huruf (س) yang mana asalnya adalah huruf (﴿)

Selain itu, penulis juga merasakan kajian ini agak rumit kerana kekurangan rujukan dan ia merupakan kajian yang baru dilakukan khususnya makna ataupun hubung-kait antara waqf bacaan tersebut dengan klausa-klausa di dalam ayat.

Dalam kajian ini, penulis mendapati peranan bahasa Arab amat penting bagi memahami situasi ayat yang yang dikehendaki tidak kira ayat al-Qur'ān atau selain darinya. Dalam menterjemahkan situasi ayat, pembaca atau pendengar mesti memahami ayat terlebih dahulu.

Dato' Mohamad Nor Mansor al-Hafiz (2012) menyatakan bahawa usaha mengkaji dan memperhalusi bidang ini merupakan usaha yang murni dan mengharapkan ia akan memberi impak atau hasil dalam memperbaiki bacaan al-Qur'ān. Semoga ia mampu

menghasilkan penemuan baru seperti i'jaz al-Qur'ān dan kajian ini memberi sumbangan terhadap masyarakat khususnya di Malaysia.

Penulis merumuskan bahawa waqf bacaan al-Qur'ān hendaklah dititikberatkan dan kajian seperti ini perlu diberi keutamaan bagi memelihara ketulenan bacaan al-Qur'ān. Penulis mengakui masih banyak maklumat yang belum dilakukan dalam mengkaji serta menghalusi peranan waqf bacaan al-Qur'ān ini.

5.3 CADANGAN

Setelah melalui pelbagai rintangan dalam menyelesaikan kajian yang bertajuk waqf dan tandanya, analisis surah al-Kahfi berdasarkan al-Qur'ān rasm 'uthmānī ini, penulis ingin melontarkan beberapa cadangan serta saranan yang boleh dikongsi bersama, antaranya:

- a) Pengkajian terhadap sejarah Islam perlu memperhalusi sejarah pembukuan al-Qur'ān serta tanda-tanda yang terdapat di dalam mushaf al-Qur'ān.
- b) Usaha memperkenalkan waqf bacaan al-Qur'ān wajar diketengahkan kepada masyarakat khususnya di Malaysia bagi memahamkan mereka supaya apa yang dibaca dapat dihayati.
- c) Kursus, seminar, persidangan serta bengkel berkaitan waqf dan ibtidā' khususnya serta tajwid al-Qur'ān amnya hendaklah diperbanyakkan supaya ilmu tersebut dapat diperhalusi secara terperinci.
- d) Pihak penggubal buku-buku tajwid perlu memperincikan tajuk yang mempunyai kaitan dengan waqf bacaan bagi memahamkan pembaca al-Qur'ān.

- e) Guru-guru di sekolah, KAFA atau Institusi Pengajian Tinggi yang mempunyai silibus al-Qur'ān dan tajwid perlu memasukkan tajuk waqf dalam silibus pengajaran supaya penuntut-penuntut dapat kefahaman dan gambaran dalam membaca al-Qur'ān dengan tepat.
- f) Silibus pengajian al-Qur'ān dan tajwid dimasukkan sedikit ilmu asas bahasa Arab serta tafsir dan bukan diajar tajwid semata-mata.
- g) Memperbanyakkan buku-buku yang berkaitan waqf bacaan al-Qur'ān di dalam bahasa Melayu kerana rujukan di dalam bahasa Melayu memang amat kurang.

5.4 PENUTUP

Penulis bersyukur kehadrat Allah SWT kerana akhirnya berjaya menyelesaikan kajian ini. Kajian waqf bacaan al-Qur'ān ini adalah sebahagian usaha kecil bagi memahami al-Qur'ān. Penulis berharap usaha seperti ini dapat memberi faedah serta penulis berharap usaha-usaha bagi menyebarkan al-Qur'ān khususnya bertujuan untuk memahaminya dapat diteruskan setelah ia dimulakan oleh ilmuan Islam sebelum ini.

Oleh yang demikian, penulis berharap agar hasil dari kajian penyelidikan ini dapat dimanfaatkan serta diperkembangkan oleh masyarakat terutamanya generasi muda. Penulis juga berharap ia akan menjadi pencetus kepada kajian yang lebih baik pada masa hadapan. Harapan penulis agar bahasa Arab mampu menjadi pesaing utama dalam melahirkan masyarakat yang berpengetahuan dan al-Qur'ān menjadi rujukan untuk segala permasalahan yang timbul.

Akhirnya, penulis berharap agar kajian ini mencapai objektif dan matlamatnya. Segala pujian hanya bagi Allah SWT yang bersifat dengan ‘Alīm secara mutlaknya dan segala

kekurangan adalah berpunca daripada diri penulis. Semoga usaha yang kecil bagi mendalami dan menyebarkan ilmu bahasa al-Qur'ān ini mendapat ganjaran yang setimpal di sisi Allah SWT.



**UNIVERSITI MALAYA
FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK**

TEMUBUAL

telah di adakan pada 15 Mei 2012 [selasa] jam 2.30 petang di Jabatan Agama Islam Perak

bersama

Y.Bhg. Dato' Haji Mohamad Nor bin Mansor al-Hafiz. Beliau dilahirkan pada 10 Januari 1950 di Kg. Sungai Keli, Hutan Melintang, Perak.

Beliau mendapat pendidikan di Sek. Keb. Sungai Keli, Hutan Melintang [1957-1962], Maahad Salahuddin Abdul Aziz Shah, Sabak Bernam [1962-1969], Diploma Maahad Tahfiz Al-Quran, Darul Quran (JAKIM) dan Ijazah Sarjana Muda B.A. (Hons), Subra, Universiti Al-Azhar, Kaherah [1975-1980].

Berpengalaman sebagai Imam Besar, Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak) [1981-1986], Ketua Unit Kariah, JAIPk [1987-1990], Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid JAIPk merangkap Imam Besar [1990-2004], Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah JAIPk merangkap Imam Besar (2005-2006), Imam Besar, Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak) [2006-2008], Pengarah, JAIPk [2009-2011] merangkap Setiausaha, MAIPk [2009-2010] dan Pegawai Agama, MAIPk [2011-sekarang] disamping menjawat sebagai Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Perak [1984-sekarang].

Antara penulisan yang pernah ditulis ialah:

- Terjemah Tafsir Al-Munir, Juzu' 27, 28, 29 bersama Ahli Panel Persatuan Ulama' Malaysia
- Fasahah Al-Quran, Kursus Tahsin Al-Quran Qari dan Qariah Peringkat Negeri/Kebangsaan
- Etika Hakim Tilawah Al-Quran
- Kaedah Membaca Al-Quran, Program J-Qaf


Beliau juga merupakan **Pengerusi Lajnah Tashih Al-Quran, Unit Kawalan Teks Al-Quran, KDN Malaysia** [1996-sekarang], Ahli Lembaga Teks Al-Quran Malaysia serta beberapa kali menjadi Hakim Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri/Kebangsaan.

Di antara soalan-soalan telah dikemukakan ialah:

- 1) Apakah perbezaan al-Qur'ān rasm uthmānī dengan al-Qur'ān rasm imla'? serta bagaimana kaedah penulisan al-Qur'ān?
- 2) Siapakah tokoh-tokoh yang terlibat dalam merealisasikan al-Qur'ān rasm uthmānī?
- 3) Adakah sama kaedah penulisan al-Qur'ān rasm uthmānī di Malaysia dengan penulisan al-Qur'ān rasm uthmānī di Arab Saudi? Apakah kaitan antara Lajnah Tashih al-Quran dengan penulisan al-Qur'ān?
- 4) Apakah yang dimaksudkan waqf bacaan al-Qur'ān? Apakah tujuan waqf bacaan al-Qur'ān diperkenalkan?
- 5) Jika dilihat, waqf bacaan al-Qur'ān menjurus kepada ilmu Tajwid. Adakah ilmu-ilmu lain memainkan peranan dalam penetapan waqf bacaan al-Qur'ān? Dan siapakah tokoh-tokoh yang memperkenalkan waqf bacaan al-Qur'ān dan tandanya?
- 6) Terdapat 7 jenis tanda waqf bacaan al-Qur'ān. Apakah perbezaan di antara tanda waqf (﴿), (܂) dan (ﴽ)?
- 7) Adakah tanda waqf bacaan al-Qur'ān menunjukkan tanda bacaan seperti tanda noktah, tanda koma, tanda seru dan sebagainya?
- 8) Apakah hukum seseorang mewaqfkan bacaan al-Qur'ān pada tempat yang tidak dibenarkan tanpa sengaja dan dengan sengaja?
- 9) Apakah perlu memahami ibtida' bacaan al-Qur'ān seperti waqf bacaan al-Qur'ān? Jika dilihat waqf bacaan al-Qur'ān mempunyai tandanya yang tersendiri? Kenapa ibtida' bacaan al-Qur'ān tidak mempunyai tanda seperti waqf?
- 10) Selain tanda waqf bacaan al-Qur'ān, terdapat beberapa lagi tanda yang digunakan dalam al-Qur'ān seperti tanda baris, tanda hukum tajwid dan lain-lain. Adakah tanda-tanda itu tidak mengelirukan pembaca al-Qur'ān disebabkan terlalu banyak tanda?
- 11) Apakah pandangan mengenai analisis waqf bacaan al-Qur'ān dan tandanya ini? Adakah kajian seperti ini perlu dikaji secara lebih terperinci?
- 12) Apakah pesanan dalam mempelajari dan memahami waqf dan ibtida' bacaan al-Qur'ān?


SOALAN TAMAT

GAMBAR




(٤) آيات من سورة الانعام بالخط الكوفي، القديم

Gambar (1): Salinan ayat al-Qur'an dari surah al-An'ām yang ditulis menggunakan khat Kufi lama di zaman Uthman Ibn al-Affān. [Tiada sebarang tanda dan baris]




(٧) ورقة من المصحف
المنسوب إلى عثمان
ابن عثمان (رضي)
محفوظة في طوب
قو سراي باسطنبول
رقم ١٩٤

Gambar (2): Salinan kertas mushaf al-Qur'ān rasm Uthman Ibn al-Affan yang tersimpan di Muzium Galatasaray, Istanbul, Turki.




Gambar (3): Tulisan khat Kufi mengikut kaedah Abu al-Aswad al-Du'ali. [Telah mempunyai tanda titik yang menunjukkan baris iaitu I'rab]




Gambar (4): Helaian mushaf al-Qur'an ditulis menggunakan khat Kufi dan bertitik mengikut kaedah Abu al-Aswad al-Du'ali. [Telah mempunyai tanda titik yang menunjukkan baris iaitu I'rab]




Gambar (5): Helaian mushaf al-Qur'an dengan menggunakan khat Kufi mengikut kaedah Abu al-Aswad al-Du'ali. [Telah mempunyai tanda titik yang menunjukkan baris iaitu I'rab]



Gambar (6): Helaian mushaf al-Qur'an dengan menggunakan khat Kufi mengikut kaedah Abu al-Aswad al-Du'ali. [Telah mempunyai tanda titik yang menunjukkan baris iaitu I'rab]



Gambar (7): Helaian mushaf al-Qur'ān pada zaman Ali disimpan di dalam peti di Muzium Imam Reza.



شكل ١٩ - صفحات من المصحف المنسب إلى عثمان بن عفان، المحفوظ في الثهد الحسيني
بالتلمسانية (متلاً عن مجلة التصوّر الفكريّة، العدد ٢٢٦٥، ٨ مارس ١٩٦٨).-


Gambar (8): Salinan gambar helaian mushaf al-Qur'ān yang dikaitkan dengan Uthman Ibn al-Affan yang terletak di ruangan peninggalan Masjid al-Hussein, Kaherah, Mesir.




Gambar (9): Mushaf al-Qur'ān asal yang ditulis pada zaman Uthman Ibn al-Affan diletakkan di ruangan peninggalan Masjid al-Hussein, Kaherah, Mesir.




Gambar (10): Mushaf al-Qur'ān tertua sejak pemerintahan Uthman Ibn Affan di Tashkent, Uzbekistan.




Gambar (11): Helaian mushaf al-Qur'ān yang telah melalui proses pemurnian. [Mempunyai tanda titik bagi membezakan huruf serta tanda baris]



Gambar (12): Helaian mushaf al-Qur'ān yang telah melalui proses pemurnian. [Mempunyai tanda titik bagi membezakan huruf serta tanda baris]




Gambar (13): Helaian mushaf al-Qur'an yang telah melalui proses pemurnian. [Mempunyai tanda titik bagi membezakan huruf serta tanda baris]



Gambar (14): Helaian mushaf al-Qur'an zaman kini yang telah dicetak di Madinah.



Gambar (15): Gua Ashab al-Kahfi yang terletak di Amman, Jordan.



Gambar (16): Penulis bersama sahabat-sahabat berlatar belakang Gua Ashab al-Kahfi di Amman, Jordan pada 2006.



Gambar (17): Penulis bersama Dato' Mohamad Nor Mansor al-Hafiz (Pengerusi, Lajnah Tashih al-Quran) pada 15 Mei 2012 di JAIPk.



Gambar (18): Penulis bersama keluarga selepas sesi temubual dengan Dato' Mohamad Nor Mansor al-Hafiz.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an al-Karīm.

- _____, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran* (2010), Selangor: Darul Fikir Sdn Bhd.
- _____, Bacalah al-Quran dengan Tartil. **Majalah Fatawa**. Vol. III/No.11 | November 2007.
- _____, *Ensiklopedia Dunia* (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, *Ensiklopedia Kesenian dan Warisan Islam* (2010).
- _____, *Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab* (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, *Panduan Rasm Uthmani* (2007). Lembaga Pengawalan dan Perlesenan Pencetakan al-Quran. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.
- _____, *Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi* (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd al-Karīm Zaidān, Dr (1996). *Al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*. Mūas'sasat al-Risālat.
- Abdul Rauf bin Hassan Azhari (2001). *Tanda-Tanda Bacaan al-Quran Rasm Uthmany: Teori dan Aplikasi*. Kertas Kerja Seminar Warisan al-Quran Peringkat Kebangsaan. Pulau Pinang, 24-25 Oktober 2001.
- Abdullah Maḥmūd Shahhatat (1972). *Tārīkh al-Qur'ān wa al-Tafsīr*. Miṣr: al-Ḥay'at al-Miṣriyyat.
- Abū Fāris al-Dahdah (1998). *Mu'jam I'rāb al-Alfāz wa al-Jumal fi al-Qur'ān al-Karīm*. Beirūt, Lubnān: Maktabah Lubnan Nashirun.
- Abū Shuhbat, Muhammad Ibn Muhammad (1992). *Al-Madkhāl li al-Dirāsat al-Qur'ān al-Karīm*. Beirūt: Dār al-Jīl.
- Aḥmad Ibrāhīm Abd al-Rahmān (2001). *Anwār al-Rahmān fī Mukhtaṣar Aḥkām Tajwīd al-Qur'ān*. Qāhirat: Dār al-Salām li al-Tibā'at wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamat.
- Aḥmad Maḥmud 'Abd al-Samī' al-Shāfiyye (2000). *Al-Wāft fī Kayfīyat Tartīl al-Qur'ān al-Karīm*. Beirūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmīyyat.
- Ahmad, Mohd Yusof (2000). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Ali Akbar (2008). *Membalik Sejarah Pengumpulan dan Penulisan al-Quran*. Kertas Kerja. Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Al-Ashmūnī, Aḥmad bin Muḥammad bin Abd al-Karīm (2007). *Manār al-Hudā fī Bayān al-Waqf wa al-Ibtidā'*. Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmīyyat.

Atiyyat Qābil Naṣr (1997). *Ghāyat al-Murād fī I�m al-Tajwīd*. Riyād: Maktabat al-Haramayn.

Azamī, Muhammad Mustafa, Prof. Dr (2005). The History Of The Qur'ānic Text From Revelation To Compilation. Jakarta: Gema Insani.

Al-Badrī, Muḥammad ‘Abdullah al-Mahdī (1984). *Al-Qur'ān al-Karīm Tārīkhuhu wa 'Ulūmuhu*. Dubaīy: Dār al-Qalam.

Bahjat Abd al-Wāhid Sālih (1993). *Al-I'rāb al-Mufaṣṣal li Kitāb Allah al-Murattal*. Ammān: Dār al-Fikr.

Al-Bāqilānī, Abū Bakr (1971). *Nakt al-Intiṣār li Naql al-Qur'ān*. Iskandarīyyat: Munsha'at al-Ma'ārif.

Al-Bayatī, Ḥassan Qāsim Ḥabash (1993). *Reḥlat al-Muṣṭaf al-Shārif min al-Jarīd ila al-Tajlīd*. Beirūt: Dār al-Qalam.

Al-Būtī, Muḥammad Saīd Ramaḍān, Dr (2003). *Fiqh al-Sīrat al-Nabawīyyat*. Dimashq: Dār al-Fikr.

Al-Dānī, Abū 'Umar Uthmān Ibn Saīd (1978). *Al-Muqni' fī Rasm Maṣāḥif al-Amṣār Ma' Kitāb al-Nuqt*. Qāhirat: Maktabat al-Kullīyyat al-Azharīyyat.

Darwiysh, Muhyu al-Dīn (1996). *I'rāb al-Qur'ān al-Karīm wa Bayānuhu*. Ḥams: Dār al-Irshād li al-Shu'ūn al-Jāmi'yyat.

Dibbā', Ali Muḥammad (1999). *Samīr al-Tālibīn fī Rasm wa Dabṭ al-Kitāb al-Mubīn*. Miṣr: Multazam al-Ṭab wa al-Nashr Abd al-Ḥamīd Aḥmad Ḥanafī.

Al-Ḥamidi, Ghānīm Qaddurī (1992). *Rasm al-Muṣṭaf Dirāsat Lughawīyyat Tārīkhīyyat*. Al-Lajnat al-Waṭanīyyat. Al-Jumhūriyyat al-Iraqīyyat: Mu'assasat al-Maṭbu'at al-Arabīyyat.

Ibn al-Jawzī (2005). *Al-Manhal al-Muṣīd fī I�m al-Qirā'at wa al-Tajwīd*.

Ibn al-Nadīm, Abū al-Farj Muḥammad Ishāq (2010). *Al-Fihris*. Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmīyyat.

Ibn Khallikān, Aḥmad Ibn Muḥammad (2009). *Waffayāt al-'Ayān wa 'Anba 'Abna al-Zamān*. Beirūt: Dār Ṣādir.

Ibn Manṣor, (1995). *Lisān al-Arab*.

Ibrāhīm Ali al-Sayyīd Ali Īsa (2001). *Fadā'il Sūar al-Qur'ān al-Karīm Dirāsah wa Naqd*. Qāhirat: Dār al-Salām li al-Ṭibā'at wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamat.

Leong, Abdul Qadir (2002). *Tajwid al-Quran Rasm Uthmani*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Al-Luhhām, Muḥammad Saīd (2002). *Al-Mu'jam al-Mufahras li 'Alfāz al-Qur'ān al-Karīm*. Beirūt, Lubnān: Dār al-Ma'rifat.

- Mahadi Dahlan dan Azhari Othman (2001). *Kaedah Resam Uthmani dalam al-Quran*. Batu Caves: Al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd.
- Mahayudin Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi (1993). *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Al-Marāghī, Aḥmad Muṣṭafā. *Ulūm al-Balāghat al-Bayan wa al-Ma’ānī wa al-Badī’*. Qāhirat: Al-Maktabat al-Maḥmūdīyyat al-Tijārīyyat.
- Mohamad bin Abd Manaf. (2004). *Tajwid al-Quran*. Gombak: al-Jenderaki Enterprise.
- Mohamad Nor bin Mansor al-Hafiz, Dato, Pengerusi Lajnah Tashih al-Quran, Lembaga Teks al-Quran Kementerian Dalam Negeri. Temubual pada 15 Mei 2012.
- Al-Mubārakfūrī, Ṣafī al-Rahmān Ibn ‘Abdullah (2002). *Al-Rahīq al-Makhtūm*. Beirūt, Lubnān: Dār Ibn Ḥazm.
- Muhammad Abū Shuhbat (1973). *Mushkilat al-Mujtama’ al-Islāmī al-Mu’āṣir*. Al-Qāherat: Maktab Al-Amīryyat.
- Muhammad Aḥmad Ma’bad (1998). *Al-Mulakhkhaṣ al-Mufid fī Ilm al-Tajwīd*. Qāhirat: Dār al-Salām li al-Ṭibā’at wa al-Nashr wa al-Tawzī’ wa al-Tarjamat.
- Muhammad al-Zafzaf (1980). *Al-Ta’rīf bi al-Qu’rān wa al-Hadīth*. Beirūt: Al-Maktabat al-Ilmīyyat.
- Muhammad Sharif Hassim (2004). *Rasm ‘Uthmani Asas Tajwid*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Al-Nadawi, Surur Shihabuddin (2005). *Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafs An ‘Asim Melalui Tariq Asy-Syatibiyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Nashruddin Baidan, Prof. Dr (2002). *Metode Penafsiran al-Qur'an*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Nazzwardi Abu Bakar Aly (2000). *Muqaddimah Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Osman Haji Khalid (1999). *Kesusasteraan Arab Zaman Permulaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- P.K. Hitti (1964). *History of the Arabs*. New York: MacMillan & Co. Ltd.
- Al-Qadī, Abd al-Fattāḥ (1997). *Tārīkh al-Muṣḥaf al-Sharīf*. Qāherat: Al-Jihāz al-Markazī li al-Kutub al-Jam’īyyat wa al-Madrasīyyat wa al-Wasā’il al-Ta’limīyyat.
- Al-Qurṭubī, Abū ’Abdillah Muḥammad Ibn ‘Aḥmad al-‘Ansārī (1996). *Al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*. Beirūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-Arabi.
- Raudat Jamāl al-Ḥaṣrī, Dr (2005). *Al-Manhal al-Mufid fī Uṣūl al-Qirā’at wa al-Tajwīd*. Dimashq: Dār al-Kalām al-Ṭayyib.
- Al-Sajistānī, Abū Bakr ‘Abdullah Abū Dāud Sulaymān (2002). *Kitāb al-Maṣāḥīf*. Lubnān: Dār al-Bashīr al-’Islāmīyyat.

Şalih, ‘Abd al-Karīm Ibrahīm ’Awad (2006). *Al-Waqf wa al-’Ibtidā’ wa Silatuhuma bi al-Ma’nā fi al-Qur’ān al-Karīm*. Qāhirat: Dār al-Salām.

Al-Şālih, Şubhī (1988). *Mabāḥith fī Ulūm al-Qur’ān*. Beirūt, Lubnān: Dār al-‘Ilm lil Malayīn.

Shaharuddin Pangilun (2006). *Kemahiran Waqf dan Ibtida’: Kajian Terhadap Guru-Guru al-Quran Di Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan*. Disertasi Sarjana. Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān Ibn Abī Bakr (2005). *Al-’Itqān fī Ulūm al-Qur’ān*. Beirūt, Lubnān: Dār al-Kitāb al-Arabi.

‘Umar Riḍā Kahhalat (1974). *Ulūm al-Dīn al-Islāmī*. Dimashq: Maktabat al-Hijāz.

Al-‘Umarī , Akrām Ḏiya’ (1998). *Al-Sīrat al-Nabawīyyat al-Šāhīhat*. Riyād: Maktabat al-’Abikān.

‘Uthmān Sulaymān Murād (2000). *Al-Salsabīl al-Shaftī fī Tajwīd al-Qur’ān*. Maktabat ’Awlād al-Shyīkh.

Al-Zanjanī, Abū ‘Abdullah (1969). *Tārīkh al-Qur’ān*. Beirūt: Mu’assasat al-‘Alamī lil Maṭbu’at.

Al-Zarkashī, Badr al-Dīn Muḥammad Ibn Abdullāh (2003). *Al-Burhān fī Ulūm al-Qur’ān*. Qāhirat: Maktabat Dār al-Turāth.

Al-Zarqānī, Muḥammad Abd al-’Azīz (1988). *Manāhil al-’Irfān fī Ulūm al-Qur’ān*. Qāhirat: Dār al-Kutub al-‘Arabi.